

JILID 28

BILANGAN 2

APRIL 2013

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA CAWANGAN SABAH

# Wadiah

Meningkatkan Apresiasi Sastera



**H**arapan R.M. Jasni

**T**anah Pusaka

**M**anifestasi dan Fungsi Teori Sastera

ISSN 0127-09653



# TOKOH PILIHAN

## Datuk R.M. Jasni

oleh NOORZANANI HAJI KATA

**R**M. Jasni lahir pada 4 Mei 1936. Menamatkan pengajiannya sebagai guru di Maktab Perguruan Kent, Tuaran pada tahun 1954 dan seterusnya bertugas sebagai guru hingga tahun 1959. Beliau bertukar tugas ke Jabatan Penyiaran Radio Sabah sebagai penerbit dan penyiar dari tahun 1960 hingga 1963. Pada penghujung tahun 1963 sebelum merdeka, beliau bertukar ke Jabatan Perkembangan Koperasi dan menjalani kursus perakaunan, pengauditan, di Kuching, Sarawak. Beliau meletakkan jawatan daripada perkhidmatan awam pada 31 Disember 1964.

Beliau memulakan karya politik sepenuh masa pada tahun 1965 sebagai Pegawai Siasah dan Setiausaha Bahagian USNO pedalaman. Pada tahun 1967, beliau dihantar ke New Zealand di bawah Rancangan Colombo untuk mengikuti Kursus Intensif Bahasa Inggeris di Language Institute, Victoria University Wellington. Kursus tersebut dilanjutkan dalam bidang Kepimpinan Sains Politik dan Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Pada tahun 1972 hingga 1974, beliau bertugas di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sabah sebagai Pengelola Kebudayaan dan turut merangka dasar kebudayaan negeri Sabah pada awal penubuhan kementerian tersebut. Pada tahun 1975, beliau menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri dan dilantik menjadi Setiausaha Politik Kerajaan Tempatan. Pada tahun 1982 hingga 1989, beliau menjadi Ahli Dewan Negara atau Senator dan pada masa itu juga beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Air Sabah.

Kerjaya Politik beliau berakhir selepas menjadi Ahli Jawatankuasa Penaja UMNO Sook dan pada tahun 2003 menjadi Ahli Jawatankuasa Tafsiran Anak Negeri.

Buku-buku yang pernah ditulis oleh beliau ialah *Sejarah Sabah* (1958), *Geografi Negeri Sabah* (1958), *Pahlawan Mat Salleh* (1981), *Biar Sejarah Mengadili Saya* (1995) - sebuah biografi Datuk Harris Mohd. Salleh, *Anak Sisa Peperangan* (2006) - sebuah memoir beliau yang mendapat tempat pertama dalam pertandingan menulis Biografi Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah, *Kalawon Ontoros Antanom, Mempertahankan Kemerdekaan Negeri Murut* (2012), *Semangat Juang Paduka Mat Salleh* (2012), *Kasih Sepanjang Jalan* - sebuah novel kini dalam proses penerbitan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Novel kedua beliau berlatar belakangkan Maliau Basin - *The Sabah Lost World*, sedang dalam proses penerbitan.

Pada tahun 2003, beliau dianugerahkan Ahli Gemilang Darjah Kinabalu (PGDK) yang membawa gelaran "Datuk". Sebelum itu, beliau telah menerima Bintang Kinabalu (BK), Ahli Darjah Kinabalu (ADK) dan anugerah Keris Pejuang Kebudayaan Sabah daripada Yayasan Sabah.

Moto dalam hidup beliau, "Setitik air tidak akan menjadi ombak, tetapi ia adalah sebahagian daripada ombak itu".



---

**Ketua Editor**  
Haji Jamaluddin Mohd Sulong  
(jamal@dbp.gov.my)

**Timbalan Ketua Editor**  
Norjanah Yusof  
(norjanah@dbp.gov.my)

**Editor**  
Noorzanani Haji Kata  
(nani\_k@dbp.gov.my)

**Sidang Editor**  
Muizat Yusuf  
Mohd. Almiey Mohd. Ali

**Fotografi**  
Logiman Juakim Gamad

**Pentadbiran**  
Debbie Benjamin  
Hassan Hussin

---

**Ketua Pengarah**  
Dr. Haji Awang Sariyan

---

*Wadah* diterbitkan sejak Oktober 1986. Hak Cipta Terpelihara. Karya yang dikirimkan kepada *Wadah* hendaklah merupakan tulisan sendiri, dan belum pernah disiarkan di mana-mana media cetak. Karya yang tersiar boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat izin bertulis daripada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah. Sidang Editor berhak menyunting karya yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat atau pendirian *Wadah*. Segala sumbangan yang dikirimkan tidak akan dikembalikan. Sidang Editor juga tidak bertanggungjawab terhadap kehilangan karya yang dikirim.

Apabila mengirinkan sebarang karya, sila catatkan nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat surat-menyurat yang tepat dan lengkap dengan poskod. Tanpa maklumat ini, karya yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila alamatkan karya anda kepada:

Editor *Wadah*,  
Unit Penerbitan,  
DBP Cawangan Sabah,  
Beg Berkunci 149, 88999 Kota Kinabalu.

**DICETAK OLEH**  
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.,  
Lot 50-A, Hiong Tiong Industrial,  
Lorong Buah Salak 5, 11.2 km. Jalan Tuaran,  
P.O.Box 20148, 88758 Luyang,  
Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel.: 088-387214  
Faks: 088-384214  
E-mel: pbrayakk@gmail.com

**REKA BENTUK KULIT DAN REKA LETAK HALAMAN**  
Percetakan Bunga Raya Sdn. Bhd.

## DARIPADA KETUA EDITOR

Unsur Sejarah Mewarnai Penulisan Kreatif 5

## FOKUS

Harapan R.M. Jasni dalam Mewujudkan Pusat Dokumentasi Penulis Negeri Sabah  
• *Jasni Matlani* 6


“Setiap Insan Mempunyai Tompok Hitam dalam Hidup”- R.M. Jasni  
• *Noorzanani Haji Kata* 10

## RENCANA

Manifestasi dan Fungsi Teori Sastera 12  
• *Asmiaty Amat*  
Pendekatan Struktural: Penelitian tentang Etnopuitika dalam Pantun Suluk 22  
• *Lokman Abdul Samad*

## PUISI

Pulau Impian 9  
• *Jaliha Jaman*  
Sebatang Jalan 9  
• *Ruhaini Matdarin*  
Sulap Kita 9  
• *Norjannah MA*  
Menemui Bonda 27  
• *Noriezisma A. Gaib*  
Hujan 27  
• *Lily Johnny*  
Resah 27  
• *Siti Salwana*  
Mencari Pusaka yang Hilang 43  
• *simuk kot @ ara*  
Bayu menjadi Taufan 59  
• *Sitti Hadiah Haji Abd. Mutalib*  
Selagi Ada Bulan dan Bintang 60  
• *Siti Noorsabah*  
Ketika Gemuruh Ombak 60  
• *N.R. Rahim*



38



34

## ULASAN BUKU

Melestarikan Keindahan Bumi Sabah Tercinta 16  
• *Zaharudin Abd. Rahman*

## CERPEN

Saksi Terakhir 18  
• *Siba Nita AS*  
Tanah Pusaka 28  
• *R.M. Jasni*  
Namaku Negara 34  
• *Faridah Abdul Hamid*  
Di Tangannya Ada Syurga 44  
• *Aziu Aziz*  
Misteri Valentine 49  
• *Haradin Mohd. Basri*

## KEGIATAN

Bersuara melalui Puisi 38  
• *Rita Robert Rawantas*  
Bulan Penulis Negeri Sabah 2013 41  
Padat dengan Aktiviti Kesusasteraan  
• *Faridah Abdul Hamid*

## ANALISIS PUISI PILIHAN

Puisi Perakam Peristiwa 54  
• *Zaiton Ajamain*

## ANALISIS CERPEN PILIHAN

Cerpen sebagai Alat Kesedaran Masyarakat 56  
• *S.M. Zakir*

## *Unsur Sejarah Mewarnai Penulisan Kreatif*

Signifikannya sejarah dalam kehidupan manusia merupakan hal yang tidak dapat disangkal. Manusia, masyarakat, persatuan, organisasi, negara dan dalam konteks yang lebih luas, dunia ini mempunyai sejarahnya. Manusia umpamanya mempunyai masa lampau atau sejarah hidup sendiri yang diabadikan dalam diri. Masa lampau ini diabadikan dalam memori, dan sesetengahnya mengabadikannya dalam bentuk dokumentasi seperti bibliografi untuk tatapan generasi akan datang. Negara-negara yang bertamadun mempunyai sejarahnya sendiri yang menjadi lambang kemegahan generasinya hasil perjuangan leluhur mereka. Tidak ramai yang menganggap sejarah penting dalam kehidupan. Malah, elemen “sejarah” seolah-olah menerima nasib yang sama dengan “bahasa kebangsaan,” apabila banyak yang telah mengetepikan elemen ini dengan andaian tidak mempunyai nilai komersial dan tidak bernilai. Usah lalai atau lupa kerana tanpa sejarah, masyarakat akan kurang menghargai perjuangan dan keperitan kelangsungan bangsanya. Sebagaimana kata seorang pensyarah kanan di Universiti Malaysia Sarawak, Dr. Jeniri Amir anggaph sejarah “umpama cermin belakang kereta”, sesekali kita perlu menoleh ke belakang.

Kali ini, *Wadah* mengetengahkan seorang penulis mapan di negeri ini iaitu R.M. Jasni (Datuk). Beliau bukan sahaja menjadi model kepada generasi penulis seangkatan dan masa ini, malah tokoh yang dikagumi di negeri ini lantaran sumbangan serta pengalaman beliau yang merentasi pelbagai bidang. Istimewanya tokoh ini ialah karya-karya beliau menampilkan unsur sejarah melalui penulisan bibliografi dan novel. Antaranya ialah *Sejarah Sabah, Memoir Anak Sisa Peperangan* yang bukan sahaja mewacanakan kisah beliau tetapi beberapa sejarah besar di negeri ini, misalnya daerah Sandakan, sejarah penubuhan persatuan penulis di Sabah, dan perkembangan politik di negeri ini. Buku beliau *Ontoros Antanom* pula mengisahkan perjuangan Datuk Seri Paduka Antanom di Rundum menentang British.

Di negara ini, tidak ramai sasterawan atau penulis yang memilih penulisan seumpama ini. Selain R.M. Jasni, hanya beberapa orang sasterawan sahaja yang memilih aliran penulisan yang sama seperti Dr. Talib Samat melalui novel beliau *Tengku Menteri* dan Ismail Johari melalui novel beliau *Bukit Kepong*.

Kami berharap lebih ramai penulis yang berani menampilkan hasil tulisan sebegini khususnya dalam karya kreatif. Jika unsur sejarah dapat dimasukkan dalam karya kreatif, sejarah tokoh, bangsa dan negara kita akan dapat dimartabatkan melalui penulisan yang bersifat santai. Malah, lebih jauh daripada itu, mungkin boleh difilemkan serta menjadi daya tarikan anak muda. Misalnya, novel *Bukit Kepong* yang telah difilemkan dan menjadi satu-satunya sumber filem berunsur sejarah di negara ini yang dapat mencuri perhatian ramai orang.

Penampilan Datuk R.M. Jasni dalam keluaran kali ini, kami yakin akan memberikan inspirasi kepada penulis muda agar turut menerokai penulis seumpama ini.

Haji Jamaluddin Mohd Sulong

# Harapan R.M. Jasni dalam Mewujudkan Pusat Dokumentasi Penulis Negeri Sabah

oleh JASNI MATLANI

**S**ecara peribadi penulis mempunyai hubungan yang akrab dengan R.M. Jasni (Datuk). R.M. Jasni dan penulis bersama-sama berusaha mengaktifkan industri penerbitan di negeri Sabah. Usia R.M. Jasni dan penulis jauh berbeza, tetapi mempunyai kekuatan yang hampir sama dalam melakukan sesuatu yang baik bagi perkembangan bahasa dan sastera di negeri Sabah. R.M. Jasni dan penulis terus bekerja tanpa mengira batas usia. Seperti kata-kata yang beliau selalu ungkapkan bagi memotivasikan diri sendiri agar terus berkarya dan bekerja, “Kita sebenarnya sentiasa muda, jiwa kita hanya terperangkap dalam tubuh badan yang tua.”

Ada kalanya penulis gusar sekiranya mengganggu rutin kehidupan harian R.M. Jasni bersama-sama keluarga, mengganggu perniagaan yang beliau jalankan atau mengganggu kerja ladang yang diusahakan oleh beliau. Tetapi, kesungguhan beliau dalam membantu golongan penulis di negeri Sabah, beliau sanggup hampir setiap minggu berkunjung ke Kota Kinabalu untuk membincangkan beberapa perkara berkaitan penerbitan, program sastera, pembangunan penulis dan sebagainya. Semuanya beliau lakukan demi untuk kebaikan golongan penulis di negeri Sabah. Itulah R.M. Jasni.

R.M. Jasni pernah memberitahu penulis bahawa apa yang beliau lakukan itu bukanlah untuk diri sendiri. Tiada apa yang dapat dituai bagi seorang penulis yang seusia beliau. Masa

terlalu cemburu pada beliau, tetapi selagi beliau boleh bergerak dengan kudrat empat kerat, beliau akan terus membantu apa yang terdaya. Beliau gembira akhirnya golongan penulis di negeri Sabah telah mendapat pengiktirafan, penghormatan dan jasa mereka dikenang di peringkat yang tertinggi. Beliau sentiasa mahu melihat lebih banyak buku ditulis berkaitan negeri Sabah, sama ada dalam bidang kreatif ataupun bidang ilmu, kerana dengan cara itu sahaja golongan penulis negeri Sabah akan mendapat manfaat dalam bidang penulisan yang beliau ceburi. Beliau mahu melihat golongan penulis mendapat sedikit nikmat daripada anugerah yang Allah berikan kepada mereka supaya mereka banyak menyumbang untuk negara dan ketamadunan bangsa.

Beliau juga mahu supaya golongan penulis dan aktivis seni di negeri Sabah mempunyai sebuah pusat dokumentasi penulis, atau pusat bahasa dan sastera. Di pusat ini nanti mereka boleh berkumpul, berbengkel dan berbincang yang santai sambil menghasilkan karya kreatif. Beliau mengimpikan pusat itu nanti akan menjadi tumpuan golongan penulis dan karyawan bukan sahaja di negeri Sabah, malah di peringkat kebangsaan dan serantau. Sebuah pusat yang di dalamnya mempunyai ruang penyimpanan dokumentasi para penulis yang telah berjasa di negeri Sabah. Ruang itu juga lengkap dengan kemudahan untuk mengadakan forum dan seminar, malah tempat

penginapan untuk para penulis dan aktivis yang mahu berkarya atau berkumpul bagi merancang segala kegiatan seni, bahasa dan sastera dengan kos yang munasabah.

Inilah idea dan impian yang beliau selalu lontarkan kepada penulis dan rakan-rakan dalam Badan Bahasa dan Sastera Sabah (BAHASA). Beliau berharap impian ini akan menjadi kenyataan pada suatu hari nanti. Beliau sering menggesa para penulis dan aktivis yang gigih dalam BAHASA dan semua penulis di negeri Sabah, agar terus berusaha dengan penuh iltizam, sentiasa bersama-sama pemimpin dan kerajaan bagi merealisasikan cita-cita yang murni itu. Lazimnya, perbincangan dan idea yang hebat itu muncul ketika R.M. Jasni dan penulis bersama-sama menghadiri pelbagai kegiatan sastera sama ada di dalam atau di luar negara.

Kebetulan akhir-akhir ini, R.M. Jasni dan penulis sering bersama-sama menyertai pertemuan penulis, bukan sahaja yang diadakan di negeri Sabah, malah majlis sastera yang dianjurkan oleh GAPENA seperti Pertemuan Penulis 1 Malaysia di Kuala Lumpur, Pertemuan Penulis Pelbagai Kaum di Miri. Malah baru-baru ini, R.M. Jasni dan penulis bersama-sama mengharungi kesesakan kota Jakarta dan Bandung hanya semata-mata untuk menemui beberapa orang penulis tersohor di Indonesia. Tujuannya agar mereka dibawa bersama dalam beberapa siri kegiatan sastera penting di negeri Sabah, supaya para penulis di negeri ini boleh berkongsi ilmu dan pengalaman dengan tokoh penulis tersohor bukan sahaja dari Malaysia, tetapi juga dari negara lain seperti negara Brunei Darussalam, Singapura dan Indonesia bagi meningkatkan lagi mutu penulisan masing-masing.

Secara peribadi dan sebagai pemimpin golongan penulis di negeri Sabah, penulis amat menghormati R.M. Jasni, kerana beliau ialah tokoh penulis dan mentor kepada penulis dalam bidang penulisan. Terdetik juga dalam

hati penulis, agar kerajaan menghargai jasa beliau yang tidak ternilai itu dengan mendirikan sebuah Pusat Dokumentasi Penulis Negeri Sabah seperti yang beliau impikan. Pusat Dokumentasi Penulis Negeri Sabah itu bukan sahaja untuk kebaikan dan mengenang jasa beliau, tetapi juga turut mengenang jasa ramai tokoh penulis dan budaya yang masih ada termasuklah Jamdin Buyong (Datuk), Dayang Salmah Salam, Emin Madi, Hussein Qasau, Azmah Nordin, Rubiah Nordin, Ramli A.R., Abdul Karim Gullam, Hassan Saprin, Sitti Rahmah G. Ibrahim, Zaiton Haji Ajamain (sekadar menyebut beberapa nama) dan juga mereka yang sudah kembali ke Rahmatullah seperti K. Bali, Harun Haji Salleh, Ismail Abas (Datuk) atau Amil Jaya, Shuhaibun Yusof (Datuk), Ahmad Yaman Mus (Datuk), A.B.M. Fajer, dan ramai lagi yang jasa mereka dalam bidang ini tidak ternilai.

Justeru, penulis berdoa semoga kerajaan dan para pemimpin tertinggi di negeri Sabah ini akan terbuka pintu hati mereka untuk memberikan sejumlah dana bagi mewujudkan “Pusat Dokumentasi Penulis dan Pusat Budaya” itu bagi manfaat golongan penulis dan karyawan di negeri Sabah ini. Jika ini menjadi kenyataan pusat ini bukan sahaja menjadi pusat sehati atau “*One stop centre*” yang penting kepada golongan penulis, tetapi juga menjadi pusat tumpuan pelancongan di negeri Sabah. Malah, mungkin kegiatan “Sambutan Bulan Penulis” yang sudah pun dianjurkan untuk kali kedua pada tahun 2013 ini, dan insya-Allah akan dianjurkan secara berterusan pada setiap tahun di negeri Sabah, boleh dilaksanakan di pusat ini.

Inilah antara impian R.M. Jasni yang mungkin terlalu besar untuk direalisasikan, tetapi jika ada kesungguhan daripada pelbagai pihak, maka ia bukanlah sesuatu yang mustahil, kerana seperti yang selalu ditegaskan oleh beliau, jika ada kemahuan dan komitmen, serta kesedaran pentingnya dunia penulisan


sebagai perakam kegemilangan tamadun bangsa, harapan untuk kita melihat impian ini menjadi kenyataan adalah lebih besar di negeri Sabah.

Walaupun R.M. Jasni sering dikaitkan dengan pencapaiannya dalam bidang pentadbiran dan politik, tetapi beliau sebenarnya ialah penulis yang telah menghasilkan banyak buku, karya yang besar dan penting bagi negeri Sabah. Beliau adalah anak tempatan yang pertama menulis buku tentang sejarah negeri Sabah, beliau juga telah menulis buku yang berjudul “*Semangat Perjuangan Paduka Mat Salleh dan Saham Kaum Dusun Menentang Penjajah*”, seterusnya menulis buku tentang suku kaum Murut yang berjudul “*Sejarah Pemberontakan Antanom*”. Selain itu, beliau juga menulis buku biografi yang berjudul “*Anak Sisa Peperangan*” yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 2006.

Malah tidak ramai yang mengetahui bahawa dalam usia beliau yang sudah mencecah pertengahan 70-an itu, beliau masih terus gigih menulis. Beliau kini sedang menyiapkan sebuah novel berlatarbelakangkan kehidupan dan alam Maliau Basin, yang mungkin berada di pasaran dalam tempoh terdekat ini. Beliau juga bercita-cita menyambung tulisan buku biografi, seterusnya gigih menghasilkan sejumlah puisi dan cerpen yang mungkin boleh diterbitkan suatu hari nanti. Malah R.M. Jasni, penulis dan Dr. Chacho Haji Bulah, kini dalam proses peringkat akhir menyiapkan sebuah buku tentang sejarah dan pembangunan semasa era pemerintahan parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (BERJAYA) antara tahun 1976 hingga tahun 1984 di negeri Sabah. Buku itu kemungkinan diberi judul *Sejarah Parti BERJAYA* dan bakal diterbitkan oleh Penerbit Himpunan Karya Sdn. Bhd., iaitu sebuah syarikat penerbitan yang beliau usahakan bersama penulis dalam beberapa bulan terakhir ini.

Mengenang kembali peristiwa penubuhan syarikat penerbitan berkenaan, R.M. Jasni, penulis dan Dr. Chacho Haji Bulah telah pergi melawat Syarikat Penerbitan Karangkruf di Selangor, yang aktif menerbitkan sekurang-kurangnya 29 buah judul majalah di Malaysia, aktif menerbitkan novel di bawah anak syarikatnya, Alaf 21 dan syarikat Prima, malah Karangkruf juga menerbitkan akhbar harian *Sinar Pagi* yang diedarkan di seluruh Semenanjung Malaysia. Kami juga berjumpa sendiri dengan pemilik syarikat itu, iaitu Dato' Hishamuddin, seterusnya mendapatkan khidmat nasihat beliau dalam menubuhkan syarikat penerbitan. Sekembalinya kami ke Sabah, Datuk R.M. Jasni terus mengilhamkan penubuhan syarikat penerbitan Himpunan Karya Sdn. Bhd..

R.M. Jasni juga berpesan kepada penulis, supaya syarikat penerbitan yang kami usahakan itu terus hidup merentas waktu, walaupun jika suatu hari beliau tidak ada lagi di alam fana ini. Amanah itu mungkin terlalu berat bagi penulis, tetapi ia satu tanggungjawab yang mesti dipikul dan dilaksanakan, walau apa pun rintangannya.

Namun, suatu perkara yang sentiasa muncul dalam ingatan setiap kali terkenang R.M. Jasni yang suka bergurau dan mengetahui banyak cerita lucu yang tidak mengeringkan gusi, apabila beliau sering mengatakan, “penulis ialah ejen sasteranya”. Beliau menggelar saya sebagai ejen beliau dalam bidang kesusasteraan. Tambah beliau, di Barat, penulis mempunyai ejen bagi menguruskan segala hal ehwal penerbitan karya dengan pihak penerbitan. Di Sabah, penulis melaksanakan tanggungjawab itu untuk seorang penulis (R.M. Jasni) yang penulis kagumi sejak mula berjinak-jinak dalam bidang penulisan. Penulis berdoa semoga R.M. Jasni sentiasa dikurniakan taufik dan hidayah, sentiasa sihat sejahtera dan hidup penuh keberkatan sepanjang hayat. Amin! 



Pulau Impian

*Pulau Impian  
andai ini satu bahtera  
maka layarkanlah  
pengemudi dan nakhoda jangan pisah  
tegap teguh bermain senjata itu  
Hang Tuah  
tapi ini bahtera  
dirinya angin  
tangannya badai  
dan mimpinya pulau  
layarkan biar searah  
andai ini satu bahtera  
maka gerakkanlah kerana pulau  
tetap jauh andai tidak satu makna....*

Jaliha Jaman

Sebatang Jalan

*Ia menemukan kita  
hanya untuk kita saling menyapa  
tanpa harapan  
tanpa keinginan  
saat tiba di selekoh  
kau harus pergi ke sebelah sana  
aku harus pergi ke jalan  
yang tidak sama  
berpisah kita buat ratusan kali  
di sebatang jalan yang sama.*

Ruhaini Matdarin

Sulap Kita

*Kita mendaulatkan sebuah sejarah  
gemilang  
mengharungi dan menyeberangi  
makna perjuangan  
di sini kita berdiri teguh dan gagah  
bersama keringat basah  
kita membina kesetiaan  
meski ada gelombang mengganas  
kita melangkah tanpa titiknya  
meredah China Selatan  
kita martabatkan warisan  
menegakkan tiang kekuatan  
kita tidak perlu menjadi penderhaka  
kita tidak perlu menjadi Jebat  
atau Tuah  
mereka tetap menjadi sejarah  
legenda purbakala  
yang masih dipelihara  
kita warnai harmoni kehidupan  
kita tidak perlu lagi mencatat  
tentang kesedihan  
cukuplah kita menyaksikan  
tentang wira-wira yang gugur  
di medan juang  
kita laungkan semangat kemerdekaan  
mengangkat kemakmuran  
demi kesejahteraan peribumi tercinta  
Ayuh!  
Nyahkan mereka  
demi apa pun.*

Norjannah MA



# “Setiap Insan Mempunyai Tompok Hitam dalam Hidup” – R.M. Jasni

oleh NOORZANANI HAJI KATA

**R**M. Jasni (Datuk) merupakan penulis yang tidak asing lagi di negeri Sabah. Beliau seorang penulis yang sering menampilkan unsur sejarah melalui penulisan. Antara karya beliau ialah *Sejarah Sabah*, *Memoir Anak Sisa Peperangan* yang bukan sahaja mewacanakan kisah beliau tetapi beberapa sejarah besar di negeri ini. Buku beliau *Ontoros Antanom* pula mengisahkan perjuangan Datuk Seri Paduka Antanom di Rundum menentang British.

Baru-baru ini, penulis (NK) berkesempatan menemu bual R.M. Jasni (RMJ) untuk berkongsi pengalaman beliau dalam bidang penulisan.

**NK:** **Apa perkembangan terkini Datuk?**

**RMJ:** Saya masih aktif menulis. Selain itu, saya sibuk memantau perjalanan ladang kelapa sawit dan melancong.

**NK:** **Mengapa Datuk meminati bidang sastera?**

**RMJ:** Sastera ialah seni. Melalui sastera saya dapat menghasilkan seni dalam bentuk prosa untuk rujukan generasi akan datang.

**NK:** **Apakah genre penulisan kegemaran Datuk?**

**RMJ:** Saya meminati penulisan novel dan cerpen.

**NK:** **Apakah tema penulisan kegemaran Datuk?**

**RMJ:** Kebangkitan daripada kemiskinan,

sejarah masa silam untuk cermin masa depan, dan kerenah masyarakat.

**NK:** **Kenapa meminati tema tersebut?**

**RMJ:** Setiap manusia mempunyai tompok hitam dalam hidup. Dengan mencoretkan masa silam masyarakat, semoga ianya dapat dijadikan cermin dalam menempuh kehidupan.

**NK:** **Apakah kenangan manis Datuk sepanjang melibatkan diri dalam dunia sastera?**

**RMJ:** Apabila tulisan pertama saya dapat diterbitkan. Kedua, walaupun pahit untuk dikenang, namun ia suatu pengalaman manis apabila saya terpaksa menerangkan maksud yang tersurat dan tersirat dalam puisi “Melor di Kampung Air” pada tahun 1958. Puisi tersebut telah menimbulkan kontroversi. Sejak itu, saya berhati-hati dan tidak lagi menulis puisi-puisi yang bersifat abstrak.

**NK:** **Pada pendapat Datuk, apakah hubungan sastera dan politik?**

**RMJ:** Kebanyakan orang suka menghubungkan antara sastera dan politik, tetapi bagi saya walaupun keduanya menjurus kepada bidang yang berlainan, seperti asam berada di gunung dan politik itu merupakan garam di laut, akhirnya keduanya akan bertemu dalam bidang prosa. Politik ialah ilmu kenegaraan atau pengetahuan berkenaan dengan cara

pemerintahan. Politik memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Segalanya itu disampaikan kepada umum melalui bidang prosa.

**NK:** **Pada pendapat Datuk, apakah perkembangan terkini sastera tanah air amnya dan di sabah khususnya?**

**RMJ:** Perkembangan sastera tanah air sudah jauh berbeza, terutamanya sastera di Sabah. Lumrah dalam sesebuah negeri yang berkembang maju, semakin ramai rakyatnya terpelajar, semakin tinggi ilmu sasteranya.

**NK:** **Apakah harapan Datuk terhadap sastera tanah air?**

**RMJ:** Harapan saya agar sastera di Sabah akan terus maju ke tahap yang lebih tinggi. Sokongan Dewan Bahasa

dan Pustaka (DBP) dalam melahirkan penulis Sabah yang berkualiti amatlah penting. Ini tidak bererti penulis Sabah bergantung semata-mata kepada DBP untuk kemajuan sastera di Sabah, malah peranan penulis Sabah sendiri adalah penting untuk menyumbang ke arah kemajuan itu.

**NK:** **Sejauh manakah karya sastera mempunyai peranan dalam melahirkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat?**

**RMJ:** Karya sastera mempunyai peranan dalam membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan masyarakat melalui penulisan sejarah menurut pandangan bangsa merdeka. Sejarah tanah air perlu dinilai semula daripada kaca mata penjajahan atau orang-orang yang berkepentingan. Misalnya, para sasterawan boleh menjadikan kisah pencerobohan di Lahad Datu dalam sebuah novel. Persoalannya siapa dalang yang mengkhianati tanah air sendiri. Apa hukuman yang patut dikenakan kepada orang yang mengkhianati bangsanya sendiri. Para pemuisi boleh menulis puisi, mencipta lirik lagu-lagu patriotisme yang membangkitkan semangat patriotik dalam kalangan generasi muda. Sejarawan boleh membuat rencana yang berkaitan tuntutan Sultan Sulu itu, sama ada berasas atau tidak setelah rakyat Sabah memilih kemerdekaan dalam Persekutuan Malaysia. Itulah yang saya maksudkan dengan ungkapan “setiap insan mempunyai tompok hitam dalam hidup”. Semoga hasil karya para penulis akan menjadi rujukan dan cermin dalam menempuh kehidupan. **W**



# Manifestasi dan Fungsi Teori Sastera

oleh ASMIATY AMAT

Ilmu tentang kesusasteraan terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu teori sastera, sejarah sastera dan kritikan sastera. Ketiga-tiga ini saling berkaitan antara satu dengan lain dan saling melengkapi. Kajian terhadap teori sastera berpusat pada bidang teori. Menurut Lye (1988), teori sastera merupakan ilmu yang berusaha untuk menjelaskan apa itu sastera, fungsi sastera, hubungan antara teks dengan pengarang, pembaca, bahasa masyarakat dan sejarah.

Berbicara tentang teori, lazimnya memberikan dua andaian berbeza. Sungguhpun tidak kurang pembaca atau penggemar sastera yang akan berasa teruja untuk mengetahui lebih lanjut tentang teori sastera. Namun, lebih ramai yang berasa cuak atau langsung hilang minat serta-merta untuk membaca apabila terlihat perkataan teori. Perkara ini berikutan istilah teori yang dianggap sebagai bidang yang kontras dengan praktikal. Teori sering disalahertikan sebagai satu perkara yang mungkin tidak realistik, hanya besar daripada hakikat sebenarnya dan lebih daripada itu, ia membebankan fikiran untuk dimengertikan.

Identiti terakhir itu dikaitkan dengan kesukaran untuk difahami. Kerumitan dalam membicarakan teori disebabkan oleh empat alasan seperti yang diungkapkan oleh Culler (1997). Pertama, sifat teori yang multidisiplin dan selalu mempersoalkan diri sendiri membuatnya terus berkembang dan tanpa batas. Misalnya, teori sastera melibatkan ilmu falsafah, linguistik, retorik, kajian budaya, gender, psikoanalisis, dan pelbagai aliran dan

mazhab kritikan sastera. Ketika proses menelaah sebuah novel contohnya dengan menggunakan teori psikoanalisis, seorang pengkritik juga harus menguasai ilmu linguistik agar mampu melakukan pembacaan cermat (*close reading*) terhadap karya sastera yang dihadapinya itu. Pengkritik juga harus memiliki kemampuan dalam menafsirkan ideologi pengarang dalam menjelaskan fenomena-fenomena implisit yang melatari motif dan perilaku watak-watak utama dalam novel yang sedang ditelaah.

Penulis dan pengkritik seringkali berbeza pendapat apabila membicarakan tentang perkara ini. Terdapat penulis yang mengatakan bahawa mereka tidak memerlukan teori untuk berkarya. Mereka bebas menyalurkan apa jua idea yang ada dalam fikiran untuk dijadikan karya. Namun, sebagai pengkritik, membedah karya seorang penulis tanpa menggunakan sebarang teori yang adakalanya disebut sebagai kaedah atau gagasan, seolah-olah menjerumuskan diri mereka kepada satu bidang penulisan yang tidak atau kurang ilmiah.

Demikian pula pelajar dan ahli akademik. Teori yang sering dianggap sebagai alat yang menyusahkan wajib digunakan oleh mereka untuk meletakkan taraf dan kedudukan mereka sebagai seorang peneliti dan sekali gus menjadikan teori sebagai alat untuk membantu mereka merungkaikan makna sesebuah kajian. Bagi dunia sastera, teori sastera sering diasosiasikan dengan para pakar atau pemikir besar seperti Plato, Socrates, Jaques Derrida, Michel Foucault, Jacques Lacan, Judith Butler,

Setiap pembaca yang telah memberi respons terhadap sebuah karya yang dibaca pada dasarnya telah mempraktikkan teori sastra tertentu. Namun demikian, secara praktikal penerapan sesebuah teori dalam merungkaikan sebuah teks sastra adalah berbeza-beza. Terdapat pembaca atau pengkritik yang menggunakan sepenuhnya teori dalam merungkaikan teks. Tidak kurang pula yang menggunakannya secara sebahagian kecil dan sepenggal-penggal dan tidak kurang pula yang hanya membicarakannya sepintas lalu.

Louis Althusser, Gayatri Spivak, Julia Kristieva, dan lain-lain. Di Malaysia, perkembangan teori sastra turut diikuti oleh sebilangan besar ahli akademiknya. Maka terteralah nama-nama seperti Hashim Awang, Mana Sikana atau Abdul Rahman Napiah, Siti Hajar Che Man dan Awang Azman Awang Pawi.

### Sejarah, Manifestasi dan Fungsi Teori Sastra

Teori sastra mula berkembang dalam dunia kesusasteraan sejak zaman Yunani klasik, iaitu Aristotle dengan *poeticnya* dan Plato dengan teori keindahan. Gerakan teori sastra dimulai oleh Ferdinand de Saussure, ahli linguistik strukturalis yang mempengaruhi kritik sastra Inggeris. Pengaruh kritik strukturalis inilah yang dianggap sebagai permulaan keberadaan teori dalam kritikan sastra sebagai sebuah domain dalam dunia akademik. Seterusnya, teori sastra Eropah dipengaruhi pula dengan Kritik Baharu (*New Criticism*) dan pelbagai teori sastra Eropah yang dipengaruhi formalisme khususnya formalisme Rusia.

Betapa sukar mempelajari dan menggunakan teori dalam kajian sastra, sebenarnya memberi lorong yang luas kepada pembaca dan peneliti. Ketika membaca sebuah teks, teori tentang penelusuran makna akan membantu pembaca memberi tafsiran yang komprehensif dan konsisten kerana sesebuah teori telah berkembang dan diakui kesahihannya.

Teori secara tidak langsung mampu memberikan kita kemudahan untuk menjelaskan sesuatu perkara dengan lebih jelas, mudah dan bermakna. Ketika membaca karya, kita pernah mengalami pengalaman bahawa kita juga pernah berasa telah membaca karya yang sama sebelumnya. Tindak balas, pemahaman atau pemaknaan terhadap teks sastra tersebut telah membentuk sebuah pola fikir atau kerangka kerja dalam minda kita sebagai pembaca. Penilaian terhadap ketinggian nilai sebuah karya, bermoral atau tidak, sebenarnya telah membentuk satu struktur pengetahuan yang koheren dan padu. Perkara ini sebenarnya telah membentuk sebuah teori dalam minda seseorang pembaca.

Setiap pembaca yang telah memberi respons terhadap sebuah karya yang dibaca pada dasarnya telah mempraktikkan teori sastra tertentu. Namun demikian, secara praktikal penerapan sesebuah teori dalam merungkaikan sebuah teks sastra adalah berbeza-beza. Terdapat pembaca atau pengkritik yang menggunakan sepenuhnya teori dalam merungkaikan teks. Tidak kurang pula yang menggunakannya secara sebahagian kecil dan sepenggal-penggal dan tidak kurang pula yang hanya membicarakannya sepintas lalu.

Teori sastra berfungsi sebagai landasan dalam melakukan kritik sastra dan sebagai sebuah spekulasi, teori mampu merangsang kepada pertanyaan-pertanyaan refleksi tentang bagaimana sesuatu berfungsi dan bagaimana

**Teori sastera juga berfungsi sebagai prosedur kerja yang berpola atau tersusun. Dengan mengikuti prosedur kerja ini, pembaca mampu menganalisis dan menginterpretasi sebuah karya sastera dengan lebih mudah dan menghasilkan interpretasi yang objektif dan komprehensif. Prosedur kerja ini menjadikan kita mampu merekonstruksikan proses pemaknaan sesebuah karya. Di samping itu, prosedur kerja tersebut juga dapat membantu orang lain untuk mengulang kaji dengan lebih saksama prosedur tersebut dan dapat digunakan untuk memahami karya serupa.**

sesuatu tersebut dapat bekerja dengan cara yang berbeza (Nealon & Giroux, 2003).

Sebagai contoh ketika kita sudah menguasai teori psikoanalisis, kita mungkin akan menggunakan teori tersebut sebagai landasan dalam memahami konflik batin seorang pengarang dalam novelnya yang sedang kita baca. Contoh, ketika membaca novel Azmah Nordin, dengan berlandaskan teori psikoanalisis. Kita dapat meraka-reka apa saja yang menjadi bahagian daripada id penulis, bagaimana id tersebut dapat dimanifestasi dan termanifestasi dalam “ego”nya. Serta bagaimana “superego” pengarang mengawal dan mengendalikan ego tersebut. Perkara ini juga akan diterapkan dalam penelitian terhadap watak-watak yang diciptakan oleh penulis dalam karya tersebut. Persoalan tentang tindakan-tindakan watak yang keterlaluan atau menjadi ganas dan sebagainya dikaitkan dengan *id* dan keinginan

watak yang tidak dapat dibentengi oleh egonya.

Dengan mencuba memahami novel tersebut melalui sudut pandang psikoanalisis, kita juga mungkin membuat andaian atau spekulasi untuk mengeksploitasi sudut pandang yang berbeza daripada novel tersebut dengan menggunakan teori lain, misalnya teori semiotik. Kita mungkin tertarik apakah proses pemaknaan kita mengalami perubahan ketika menganalisis novel tersebut berdasarkan novel lain yang memiliki jenis yang sama. Demikian juga apabila kita mula memahami teori feminisme, tentu sahaja membaca karya Azmah Nordin memberikan kefahaman yang besar tentang perjuangan penulis mengangkat martabat dan kedudukan wanita dalam masyarakat.

Teori sastera juga berfungsi sebagai prosedur kerja yang berpola atau tersusun. Dengan mengikuti prosedur kerja ini, pembaca mampu menganalisis dan menginterpretasi sebuah karya sastera dengan lebih mudah dan menghasilkan interpretasi yang objektif dan komprehensif. Prosedur kerja ini menjadikan kita mampu merekonstruksikan proses pemaknaan sesebuah karya. Di samping itu, prosedur kerja tersebut juga dapat membantu orang lain untuk mengulang kaji dengan lebih saksama prosedur tersebut dan dapat digunakan untuk memahami karya serupa.

Teori sebagai sebuah alat atau kaedah dan konsep untuk bereksperimen (Nealon & Giroux, 2003). Sebuah eksperimen biasanya dilakukan berdasarkan persoalan dan keinginan untuk melakukan satu kerja dengan sempurna. Eksperimen ini biasanya berpijak pada hasil eksperimen sebelumnya dan menggunakan teori yang diambil daripada hasil eksperimen tersebut sebagai alat dan konsep. Disebabkan sebuah teori telah dipilih daripada eksperimen sebelumnya, eksperimen yang baharu akan memiliki landasan yang kukuh dan tidak akan mengulangi atau melakukan eksperimen yang sama. Hasil daripada eksperimen baharu ini bahkan ada ketikanya menjadi lebih baik daripada


sebelumnya. Perkara ini bersangkut paut kepada proses pembelajaran daripada kelemahan dan kekurangan eksperimen sebelumnya serta menggunakan teori yang dihasilkannya sebagai landasan. Tanpa teori, eksperimen yang dilakukan seseorang hanya akan menghasilkan sesuatu yang tidak mampu dipertanggungjawabkan secara ilmiah. Mungkin juga akan dilakukan secara emosi dan bersifat intuisi. Dalam bidang sastera misalnya, kritik puisi atau novel yang hanya akan berdasarkan pada intuisi tidak akan menghasilkan pemaknaan yang komprehensif dan konsisten.

Teori juga berperanan sebagai sudut pandang yang memungkinkan kita memperoleh perspektif yang berbeza terhadap sesuatu perkara (Nealon & Giroux, 2003). Contohnya penemuan teori resepsi atau penerimaan pembaca telah mengubah pendirian masyarakat, terutama peminat karya sastera, tentang pemaknaan sebuah karya sastera. Jika sebelumnya orang berkeyakinan bahawa makna sebuah karya sastera seperti puisi atau novel sangat bergantung pada autoriti teks seperti yang dicanangkan oleh pendukung teori Kritik Baharu. Oleh itu, setelah kemunculan teori ini, pendapat tersebut mengalami perubahan. Berdasarkan teori resepsi atau penerimaan pembaca, pembaca dan teks terlibat dalam sebuah proses transaksi dalam menentukan pemaknaan sebuah teks. Pembaca menghubungkan makna dalam teks dengan latar belakang pengetahuan dan pengalaman sebelumnya. Dalam pandangan yang ekstrem, pembacalah yang menentukan proses pemaknaan. Ketika sedang membaca teks, maka ia memiliki kuasa tertinggi dalam menentukan pemaknaan kerana pada dasarnya autoriti pengarang telah mati yang sering disebut penulis telah mati atau *the death of author* ketika teks sudah berada di tangan dan dinikmati oleh para pembaca.

Teori sastera bukan sahaja mampu melakukan pembinaan disiplin ilmu pengajian kesusasteraan dengan lebih rasional dan penuh kesedaran tetapi juga mampu menyelesaikan

perbezaan dalam hal pendapat kritikan. Perkara ini bersangkut paut dengan penegasan berkenaan hubungan antara teori kesusasteraan dan amalan kritikan serta kesarjanaan, dan tentu sahaja hubungan ini menuju ke arah itu, yakni teori bukan sahaja memberikan gambaran yang sebenarnya tentang amalan atau memperbaiki sesuatu amalan, malah teori juga sangat bergantung kepada amalan atau praktik sastera. Persoalan yang sering dikemukakan oleh pengkritik dan sarjana tentang satu-satu teks pada dasarnya adalah sama sahaja dengan persoalan yang dikemukakan oleh teori sastera tentang kesusasteraan secara amnya. Teori sastera bukan terhasil daripada kekosongan, tetapi sebahagian besarnya berkembang hasil daripada gerak balas kepada masalah yang dihadapi pembaca, pengkritik dan sarjana ketika mereka berhubung secara praktikal dengan teks.

Dengan demikian, jika kita seringkali menimbulkan persoalan tentang apa dan bagaimana sesebuah teori sastera beroperasi, kita sebenarnya telah menurunkan soalan yang telah sekian lama diajukan oleh pengkritik tentang suatu teks sastera tetapi dengan cara yang tidak bersistem. Dengan kata lain, dengan menggunakan sebuah teori, persoalan yang diajukan itu lebih bersistem dan berpola.

Teori sastera bukan sekadar suatu rangkaian gagasan, tetapi ia juga merupakan sebuah kekuatan institusi keilmuan. Teori dibentuk oleh komuniti pembaca dan pengarang. Dalam isu ini, perkembangannya tidak terlepas daripada institusi pendidikan dan budaya. Meskipun kontroversi, teori sebenarnya memiliki manfaat yang konkrit. Kegunaan teori sudah terbukti dalam kemajuan pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang memungkinkan kita bergerak dan hidup lebih teratur. Demikian juga dalam kesusasteraan. Melalui teori sastera, telahan terhadap karya lebih bersifat adil dan tentu sahaja mampu menambahkan bidang ilmu yang telah sedia dimiliki oleh penulis dan pengkritik. 

## Melestarikan Keindahan Bumi Sabah Tercinta

**Judul: Buaya Tembaga**  
**Penulis: Azmah Nordin**  
**Pengulas: Zaharudin Abd. Rahman**

**M**enelusuri buku kumpulan cerita rakyat *Buaya Tembaga* mengimbau pembaca pada zaman silam – zaman Neolitik dan Mesolitik. Jadi, apakah relevannya “buaya tembaga” dalam kehidupan moden kita hari ini?

*Buaya Tembaga* adalah sebuah karya Azmah Nordin yang memuatkan 16 buah cerita rakyat, semestinya menjadi bacaan yang sangat sesuai bagi semua lapisan pembaca kerana kelainan sajian dari segi perbezaan agama, kepercayaan, adat dan budaya yang terdapat dalam hasil sastera rakyat negeri Sabah. Kumpulan cerita rakyat ini juga turut mengimbas kembali kehidupan masyarakat tradisional yang berpuak-puak, mengamalkan ekonomi sara diri, berburu haiwan liar dan bercucuk tanam. Bahkan, turut berburu sesama manusia juga. Betapa kehidupan zaman dahulu yang sentiasa terancam; bak kata *Survival of the Fittest* atau tertakluk kepada Hukum Rimba – yang kuat sentiasa akan menindas yang lemah.

Disebabkan faktor ancaman antara kumpulan atau kelompok manusia yang lebih kuat mengatasi yang lemah juga turut mempengaruhi budaya kehidupan pada zaman ketika itu. Mereka sentiasa berpindah-randah dan sentiasa berperang antara suku kaum. Bahkan ancaman alam seperti banjir, kemarau,

juga menyerang pada masa-masa tertentu dan juga ancaman daripada haiwan liar seperti alam kisah *Berperang dengan Nyamuk Raksasa*, *Perang Pengait Kepala dengan Ikan Karuk*, *Perang Pengait Kepala di Bukit Bogahak*.

Manakala 12 kisah lagi bertemakan kekeluargaan seperti *Puteri Rambang Rambunut*, *Sumpahan Kinoringan*, *Tanaut*, *Dzang Pandikot*, *Pengorbanan Kinomulok*, *Buaya Tembaga*, *Tababayong – Anak yang Bertuah*, *Puteri Delima*, *Putera China Berlawan dengan Naga di Gunung Kinabalu*, *Keranda Empat Mata di Bumbung Gua Batu Tulug*, *Songaki*, dan *Anak-anak Mencari Isteri*.

Latar belakang kesemua kisah sastera rakyat bergantung rapat dengan alam, pelukisan tentang keindahan alam negeri Sabah dimanfaatkan oleh penulis dengan sebaik mungkin. Gambaran mengenai sungai-sungai, gunung-ganang, tasik, hutan belantara, kepelbagaian hasil mahsul hutan seperti buah rambang, rambunut, pohon tarap yang rendang, sawah padi dengan kepercayaan semangat padinya, madu lebah, kulit pokok dijadikan pakaian, semak belukar yang berceracak ranting berduri, batu-batu sungai yang tertonjol dari dasarnya dan kisah asal-usul batu yang menjadi Gunung Kinabalu, jelas menggambarkan kekayaan hasil mahsul negeri Sabah.

Pemilihan judul *Buaya Tembaga* bagi kumpulan cerita rakyat karya Azmah Nordin ini



memang sangat tepat dan mempunyai kekuatan komersial memandangkan *Buaya Tembaga* seolah-olah bersinonim dengan Sabah yang sangat kaya dengan khazanah alam semula jadi dan haiwan liar. Sang buaya dan sungai-sungai yang besar dan panjang di Sabah adalah elemen yang saling tidak berpisah.


Penulis terpanggil untuk mendokumentasikan kisah sastera rakyat kerana setakat ini tidak banyak karya tradisi seumpamanya dihasilkan yang menggambarkan warisan kebudayaan, pandangan dunia, kepercayaan dan nilai-nilai kehidupan

zaman dahulu daripada pelbagai kelompok etnik di Sabah. Cerita-cerita tersebut diambil daripada kaum Brunei, kaum Sungai/Tombonuwo, Murut, Murut Timogun, dan kaum Kadazandusun, yang berasal dari kawasan Molopi, Sugut, Paitan, Keningau, Tambunan, Ranau, Gunung Kinabalu, Tuaran dan Tawau.

Sebahagian besar daripada suku kaum itu percaya bahawa ada empat roh yang wujud di dunia iaitu *Minamagun* atau Roh Maha Pencipta; *Kunduduwo* atau Roh Pemberi Nyawa Manusia; *Tombiruroh* atau Roh Orang Mati dan *Rogoh* atau Roh Jahat (hantu). Kepercayaan mereka mengatakan bahawa tempat persemadian abadi bagi roh orang yang sudah mati ialah “di syurga” yang terletak di puncak Gunung Kinabalu.

Dengan kreativiti tersendiri, penulis menceritakan semula dengan cukup berhati-hati agar tiada sesiapa pun yang akan tersinggung. Hanya bahan sastera yang mempunyai unsur didikan moral, nilai-nilai murni yang mulia, di samping berusaha mempertingkatkan daya imaginasi dan kreativiti remaja untuk menghadapi masa depan yang terpilih yang difokuskan.

Penulis berusaha untuk mengindekskan glosari di dalam teks sekali gus. Namun masih terdapat beberapa glosari lagi yang perlu juga diindekskan seperti perkataan *pengait* (hlm 70), *berbinar-binar* (hlm 132), *sulap* (hlm 140), *ngongoian* (hlm 161), dan *perabung* (hlm 177), supaya daya imaginasi pembaca tidak tersekat-sekat kerana perkataan yang tiada penerangannya. **W**





# Saksi Terakhir

oleh SIBA NITA AS

Segala-galanya bening semata. Sepi dan sunyi. Tiada kicauan burung, apa lagi gemercik air, atau deruan ombak. Tapi istana itu masih gagah dan tegak seperti mulanya.

'Kenapa tidak berpengawal istana ini? Ke mana perginya semua pengawal?' bisik hatiku.

Berjalan dalam keadaan serba salah. Memandang kiri dan kanan, aku masih jua dapat mengatur langkahku walaupun tersangat berat aku rasakan. Aku kenal benar bentuk istana yang terpampang di depanku sekarang ini.

'Tidak salah, memang istana Tuanku Sultan Mansyor Syah ... istana kerajaan Melaka yang tersohor itu.' bisik hati kecilku.

'Aaah ... mana Tuah panglima berlima itu?' Aku cuba mendapatkan kepastian.

"Mamanda Menteri, apakah segala-

galanya sudah sedia untuk upacara ini?"

"Ampun tuanku, beribu-ribu ampun sembah patik harap diampun, adapun seperti titah Tuanku itu segala-galanya sudahpun patik sediakan."

'Itu suara Sultan Mansyor Syah Tuanku memerintah kerajaan Melaka,' bisik hati kecilku. Aku segera mengambil tempat berselindung antara tiang sari dan Balairung Sri istana itu. Tidak seorang pun dalam istana itu menyedari kehadiranku ketika itu. Aku memerhatikan segala gerak lakunya, saling tak tumpah seperti yang aku kenal selama ini. Duli Tuanku Sultan Mansyor Syah menyandarkan duduknya di atas kerusi diraja, yang diperbuat daripada kayu koka yang ditempah dari kerajaan Sundusiah. Manakala lapisnya dibuat dari kain benang emas dan sutera yang dibawa oleh puteri Hang Li Poh dari kerajaan China.

"Mamanda Menteri ...."

"Patik Tuanku."

"Beta sangat masyghul atas kejadian ini."

"Bagaimanakah kiranya beta dapat menjawab nanti dan memberikan penjelasan kepada sekalian rakyat beta pada kemudian hari?"

"Ampun Tuanku, pasal kesetiaan Si Tuah dan penderhakaan Si Jebat, usahlah Tuanku masyghulkan. Patik yakin, Tuhan mengampunkan Duli Tuanku. Sementara rakyat Duli Tuanku mengertilah mereka itu pada kemudian hari."

Ketika itulah aku meliarkan pandanganku ke segenap ruang istana itu mencari Karma

Wijaya. Mustahil juga Karma Wijaya tidak berada di istana ini. Aku kenal benar dengan manusia ini, dia merupakan abang kepada Puteri Radin Galoh, kemudian dia telah menjadi ipar kepada Duli Tuanku. Beliau orang penting di istana, mana boleh tidak berada di istana ketika itu. Kulepaskan pandanganku dari satu wajah ke wajah yang lain. Panglima berlima itu, puteri Tun Teja yang jelita, mereka semua ada. Semua dayang yang tinggal di istana ketika Panglima Jebat mengamuk juga satu-persatu aku kenal ketika itu.

“Mamanda Menteri ... beta rasa usahlah Mamanda Menteri meliuk lentukkan kata-kata, kerana saat ini bukan lagi tempatnya untuk menyembunyikan apa-apa rahsia”.

“Maksud beta, bukan lagi soal Hang Jebat dan Hang Tuah. Mamanda Menteri dan rakyat jelata pun nampak, pada saat ini di Balai Penghadapan ini tiada kelihatan lagi Patih Karma Wijaya. Pada pendapat beta dialah orang yang menconteng arang ke muka beta ini.” Mendengar titah Duli Tuanku itu barulah aku faham kenapa sejak tadi aku cuba mencaricari Karma Wijaya. Antara ribuan orang yang ada di istana itu, dia tidak kelihatan.

“Mamanda Menteri, perintahkan Panglima Hang Tuah menghadap sekarang juga, supaya segeralah kiranya perbicaraan ini, dan seluruh rakyat jelata akan tahu akan riwayat sebenarnya”.

“Titah Tuanku segera dilaksanakan. Ampun Tuanku”.

Panglima Hang Tuah datang bersembah kemudian dipersilakan duduk di tempat khas. Sekali lagi aku agak kehairanan tempat khas yang disediakan untuk Hang Tuah saat itu, tidak pernah aku melihatnya di istana Melaka sebelum ini. Kelihatannya seakan sangkar kurung semasa satu-satu perbicaraan di Mahkamah.

‘Kenapa pula dengan Panglima Melayu terbilang ini? Bukankah dia telah diampunkan oleh Sultan, kemudian khidmatnya digunakan oleh Sultan semula untuk menghapuskan Si

Jebat. Apa gerangan kesalahan yang lebih hebat dan berat kali ini?’ Gemuruh sedikit darahku.

‘Tak habis-habis dengan sengketa. Apakah akan berlaku lagi pertikaman untuk kedua kalinya. Bermandi darah lagikah istana ini?’ bisik hati kecilku. Lebih membingungkan aku, walaupun Hang Tuah duduk di dalam sangkar kurung ketika itu, namun seluruh pakaiannya masih juga persalinan seorang Panglima. Untuk kepastian, aku mengamati keris yang tersisip antara lilitan kain selendangnya dengan perutnya. Benar ... itu keris Taming Sari, yang diberikan oleh Jebat semula kepadanya ketika pertikaman itu terjadi. Aku kenal sangat hulu Keris Taming Sari yang diperbuat daripada gading tanduk Badak Sumbu Jawa. Kalau Hang Tuah bersalah tentulah Duli Tuanku memberikan keris itu kepada Hang Kasturi, sebagaimana Duli Tuanku menganugerahi Hang Jebat keris itu dulu.

“Mamanda Menteri, perintahkan kesemua orang-orang yang boleh bersaksi dalam kes yang sangat rumit serta mendukacitakan ini”

“Titah Duli Tuanku segera dijunjung atas gemala kepala patik ini”. Beginilah kata kata yang selalu diucapkan oleh Mamanda Menteri ini apabila menerima titah perintah dari Duli Tuanku Sultan Melaka. Ucapan ini jugalah yang aku dengar ketika menerima perintah dari Duli Tuanku untuk membunuh Hang Tuah sebagai hukuman. Apakah ucapan-ucapan Mamanda Menteri itu, saat ini juga penuh dengan rahsia, sebagaimana dia telah merahsiakan bukan sahaja kepada Sultan, tetapi juga kepada seluruh rakyat Melaka, apabila tidak sampai hati membunuh Hang Tuah, sebaliknya telah menyembunyikan Hang Tuah di hutan di hulu Melaka. Apakah muslihat sebenar Mamanda Menteri, sedangkan beliau sedar dan faham, sekiranya pembohongannya itu terbongkar, maka tidak syak lagi Duli Tuanku akan menghukum beliau sama seperti menghukum Hang Tuah. Mamanda Menteri

pasti menerima padah. Soalan-soalan inilah saling simpul menyimpul di otakku ketika itu. Seorang demi seorang muncul orang kenamaan menghadap Duli Tuanku sebaik dititahkan. Namun, pandangan mataku tak putus-putus hanya tertumpu pada Hang Jebat semata.

Ini juga pakaian Hang Jebat ketika pertikaman tujuh hari tujuh malam itu di istana dulu. Warna baju dan seluarnya agak kehijauan sedikit, hujung lengan baju dan seluarnya bersulam bunga pakis. Tanjaknya merah bunga raya.

“Mamanda Menteri ... jalankanlah perbincangan supaya terungkuai segala kekusutan, segala kedukaan, segala kegelisahan beta selama ini. Sebelum kita semua ini akan dihadapkan ke muka pengadilan yang hak dan hakiki sebentar lagi.”

“Tuanku, nampaknya patik tidak dapat menjalankan titah perintah Tuanku kali ini, disebabkan patik dengan rela hati dan penuh keinsafan akan menjadi saksi pertama dalam hal ini, ampun Tuanku.”

Mendengar kata-kata Mamanda Menteri itu aku semangkin berani mendekati diriku dalam ruang penghadapan istana Sultan Mansyur Syah, Sultan Melaka itu. Atas keinginan mengikuti perbincangan itu, tanpa aku sedar aku sudah duduk sama dengan orang-orang Melaka di dalam istana itu.

“Mamanda Menteri, apakah benar kamu tidak sampai hati membunuh Hang Tuah, sedangkan beta menitahkan kepada kamu supaya Hang Tuah menjalani hukuman mati?” Kelihatan Duli Tuanku tersandar kaku di kerusinya, lemah seluruh anggotanya. Titah baginda tadi seperti tidak dapat baginda teruskan lagi. Senyap seluruh ruang balairong seri. Seluruh rakyat berada di dalam istana itu tidak dapat mengangkat muka masing-masing. Rasa malu memenuhi segenap nurani mereka. Aku merenung Hang Tuah penuh kesayuan. Hang Tuah merenung aku penuh harapan. Aku mengalihkan pandanganku ke arah Mamanda

Menteri. Mamanda Menteri memandang aku seperti meminta simpati. Sempat juga aku melemparkan pandanganku itu ke arah Hang Jebat, tapi Hang Jebat sejak tadi asyik menundukkan mukanya. Aku mendengar dengan jelas gemuruh dalam dadanya. Tapi kali ini bukan lagi seperti darahnya bergemuruh ketika menyatakan kepada sahabatnya bertiga akan hasrat hatinya untuk menuntut bela ke atas Hang Tuah. Namun, saat ini Hang Jebat dadanya bergemuruh dipenuhi oleh rasa kesal yang tersangat berat terhadap Hang Tuah. Bagi Hang Jebat, selama ini dia tertipu. Lebih dari itu, Hang Jebat tidak dapat menerima hakikat Hang Tuah sanggup merahsiakan sesuatu kepadanya selama ini. Di istana ketika itu, Hang Jebat diminta untuk menjadi saksi kedua. Sementara Tun Teja saksi ketiga.

“Benar Tuanku ... pandangan mata patik tidak salah .... Ketika patik menyuruh Hang Tuah untuk menukarkan pakaian persalinan kerana akan membunuhnya seperti yang Tuanku titahkan pada patik ... ketika itu juga Hang Tuah tetap patuh dengan titah perintah Tuanku. Atas sebab taat setianya, Hang Tuah bersedia untuk dihukum bunuh di hutan hulu Melaka. Saat itulah patik terpancang dua bonjolan timbul di kedua-dua belah dada Hang Tuah. Tidak salah lagi itu bonjolan buah dada Hang Tuah. Sekonyong-konyong rasa belas kasihan patik telah menguasai seluruh tubuh patik ketika itu. Lantas patik menderhaka secara senyap kepada Tuanku, tidak membunuh Hang Tuah. Patik sebaliknya menyembunyikannya di sebuah kampung jauh di hutan hulu Melaka kerana Hang Tuah rupanya seorang perempuan .... Ampun Tuanku.”

“Adakah ini aib Hang Tuah atau aib seluruh keturunan Melayu yang terlalu bersikap taasub dan memuja?” Dalam keadaan hening dan bening, suasana di istana itu sempat juga kata-kata kurang sopan ini hinggap di kepalaku.

“Benar Tuanku .... Sewaktu kami bertikam keris di bilik peraduan Tuanku, tiada siapa orang dapat masuk kerana segala pintu-pintu kami kunci. Berdasarkan pada usaha patik menggunakan keris Taming Sari itu, Hang Tuah tidak dapat menewaskan patik Tuanku. Oleh kerana patik sungguh berasa kesal, dan rasa kecewa memenuhi fikiran patik ketika itu. Tergamaknya Hang Tuah selama ini sanggup menipu patik. Lalu memberikan keris Taming Sari itu kepada Hang Tuah, bila mana ketika Hang Tuah beberapa kali mengelak tikaman bertubi-tubi dari patik, salah satu elakannya menyebabkan jahitan di bahagian depan ke bawah seluarnya terkoyak, ketika itulah patik terpancang jenis Hang Tuah, rupa-rupanya ....

“Tuahhhh ... kau telah menipu aku Tuah.” Sekali lagi kelihatan deraian air mata Hang Jebat.

“Patik tak sanggup membunuh Hang Tuah ketika pertikaman itu, setelah mendapat tahu Hang Tuah rupanya seorang perempuan.”

Tiba-tiba Tun Teja bangkit dari sisi baginda Sultan Tun Teja berjalan sedikit menghampiri kandang kurungan Hang Tuah lalu merenungnya tajam tapi penuh bermakna.

“Tuanku, tangisan permaisuri pada malam bulan terang ketika berada di atas kapal di Sungai Pahang, bukan kerana sayu dibawa lari atau sedih kerana terkenangkan Megat Panji.” Tun Teja terhenti seketika, melontar semula pandangannya ke arah Hang Tuah, sambil kelihatan sedikit menggelengkan kepalanya. Jauh dalam kenangan, Tun Teja teringat segala-galanya kembali, ketika perasaan Tun Teja memuncak kasih kepada Hang Tuah, dan beberapa kali mengajak hang Tuah bercumbu. Ternyata Hang Tuah tidak mempunyai rasa berahi.

“Hang Tuah ... setelah beberapa saksi tampil mengemukakan alasan mereka, adakah apa-apa yang boleh membantu kamu untuk membela diri? Di sana nanti tak perlu lagi melantik mana-mana saksi, kerana yang akan bersaksi adalah anggota tubuh kita sendiri.”

“Tuanku, kalau benar kenyataan saksi-saksi tadi, dari versi manakah sumber cerita mereka itu diperoleh. Laksamana Hang Tuah kelihatannya agak tertekan sedikit, ketika itulah aku tak sempat pandang entah dari pintu mana, tiba-tiba Tun Seri Lanang muncul dan berhadapan dengan Duli Tuanku Sultan Mansyor Syah.

“Ampun Tuanku ... sepanjang pengetahuan hamba, tidaklah pernah ada hamba mencatat mengenai hal itu dalam teks sejarah Melayu, apa lagi dalam Hikayat Hang Tuah sendiri”.

“Hsussss ....” Aku memberikan isyarat kepada Tun Seri Lanang supaya mendapatkan aku dengan cara diam-diam tanpa menyedari akan kehadiranku di alam itu.

“Mengapa kamu hadir di sini?” tanya Tun Seri Lanang.

“Aku mahu mendengar segala penyelesaian itu, tapi aku belum bersedia untuk menjadi saksi yang terakhir kepada perkara itu,” jawabku.

“Kenapa kautulis cerita karut ini?” desak Tun Seri Lanang lagi. “Aku ada alasan munasabah Tun Seri Lanang, dengar nanti bila aku sudah dipanggil untuk menjadi saksi terakhir”

“Apa dia?”

“Banyak, antara lainnya aku akan tanya pada Hang Tuah kenapa sewaktu dia berpindah ke alam ini, sewenang-wenangnya dia menghilangkan dirinya sampai sekarang pun orang-orang di dunia masih bertanya-tanya mana kuburnya. Ini bermakna supaya status jantannya sebagai perempuan tidak diketahui.

“Jangan cuba-cuba mengaburkan fakta sejarah, Siba Nita As, nanti kau akan dicap lagi oleh Daniel Jebon sebagai Salman Rusdi. Atau kelak Sultan akan murka”.

Aku menyambar tangan Tun Seri Lanang penulis agung Sejarah Melayu itu, lagak seperti berjabat tangan, tetapi sedikit kecewa, lalu keluar dari alam khayalan, segera pulang ke alam kenyataan. **W**

# Pendekatan Struktural: Penelitian tentang Etnopuitika dalam Pantun Suluk

oleh LOKMAN ABDUL SAMAD

**T**erdapat tiga persoalan yang menjadi fokus dalam menyatakan pantun sebagai alat pengucapan budaya dan cerminan pemikiran masyarakat penuturnya. Pertama, adakah etnopuitika mampu memberikan maklumat budaya; kedua, bagaimana struktur pantun Suluk dan ketiga, wujudkah sinergi antara pantun (penutur) yang

memperlihatkan fungsi sastera serta implikasinya terhadap keupayaan pemahaman yang dihubungkan dengan pengetahuan lokal (kearifan tempatan). Bermaksud setiap kelompok budaya atau komuniti penutur bahasa memiliki ciri-ciri lokal yang khas, yang tidak terdapat pada kelompok budaya atau komuniti penutur bahasa lainnya. Ciri-ciri

**Ada dua ciri utama bagi mendeskripsikan etnopuitika. Pertama, etnopuitika memfokuskan pada sastera lisan atau verbal art performance. Dalam konteks ini, etnopuitika ialah penyatuan disiplin ilmu pengetahuan bahasa (linguistik) dan sastera lisan (budaya masyarakat). Fungsi kajian etnopuitika memperlihatkan fungsi sastera serta implikasinya terhadap keupayaan pemahaman yang dihubungkan dengan pengetahuan lokal (kearifan tempatan). Bermaksud setiap kelompok budaya atau komuniti penutur bahasa memiliki ciri-ciri lokal yang khas, yang tidak terdapat pada kelompok budaya atau komuniti penutur bahasa lainnya. Ciri-ciri khas tersebut harus dikenal secara baik oleh pengkaji bagi memberikan deskripsi yang lengkap, interpretasi yang tepat terhadap bidang etnopuitika. Ringkasnya kajian etnopuitika ialah satu pendekatan yang dipilih untuk menyerlahkan pola pemikiran yang dizahirkan menerusi sastera lisan wadah cermin budaya penuturnya.**

melahirkan pemikiran masyarakatnya.

Ada dua ciri utama bagi mendeskripsikan etnopuitika. Pertama, etnopuitika memfokuskan pada sastera lisan atau *verbal art performance*. Dalam konteks ini, etnopuitika ialah penyatuan disiplin ilmu pengetahuan bahasa (linguistik) dan sastera lisan (budaya masyarakat). Fungsi kajian etnopuitika

khas tersebut harus dikenal secara baik oleh pengkaji bagi memberikan deskripsi yang lengkap, interpretasi yang tepat terhadap bidang etnopuitika. Ringkasnya kajian etnopuitika ialah satu pendekatan yang dipilih untuk menyerlahkan pola pemikiran yang dizahirkan menerusi sastera lisan wadah cermin budaya penuturnya.

Kajian struktural lazimnya terarah pada skop yang disempitkan hanya meneliti eksternal iaitu bentuk, tema, dan penggunaan bahasa. Walau bagaimanapun, setiap satu entiti pada hakikatnya tidak boleh berdiri sendiri, atau terasing kerana setiap satu mempunyai hubungan kait yang rapat bagi menyerlahkan kesan makna yang efektif. Tentulah sesebuah karya yang temanya romantik memanipulasi pengucapan gaya bahasa yang lembut, melankolik serta mendayu-dayu. Berlainan dengan karya yang dilahirkan untuk menyatakan sikap ketegasan terhadap kecintaan pada tanah air sudah tentu gaya bahasa yang dipakai harus disebatikan dengan nada keras, bombastik berfungsi memperkasakan semangat juang yang tinggi. Inilah hakikat bahasa yang menyerlahkan makna atau mesej yang diungkapkan dengan setiap diksi yang dipilih dan disesuaikan.

Dalam konteks situasi semasa di Sabah, sudah banyak yang dibicarakan tentang masyarakat Suluk yang secara tiba-tiba menjadi perhatian dengan insiden yang berlaku pada awal tahun 2013 ini. Sayangnya, etnik Suluk hanya dilihat pada sisi gelap. Tulisan berita lebih bersifat provokatif, pandangan negatif dan spekulatif yang jelas untuk tujuan sensasi semata-mata. Sentimen sedemikian dimainkan akibat kurangnya sensitiviti terhadap pengetahuan budaya tradisi lisan. Rata-rata tulisan berita yang tidak mempunyai pengetahuan tentang sosiobudaya, adat dan sejarah lisan tempatan, mudah terpesona dengan emosi sehingga menambah dan merumitkan situasi bukannya memberi manfaat pada negara ini. Tidak semua orang Suluk digambarkan berperibadi keras, tiada kompromi ataupun menyokong kekerasan. Majoriti mereka menolak keganasan serta bersama-sama menyokong kedamaian.

### **Pantun Cermin Masyarakat**

Dalam hal inilah pentingnya merujuk pada warisan budaya sesuatu masyarakat untuk

memahami *world view*, pola fikir cara masyarakat tersebut memandang dunia. Budaya masyarakat terakam dalam bentuk tradisi lisan yang diwarisi turun-temurun sama ada dalam bentuk warisan adat istiadat, cerita rakyat, puisi lisan ataupun seni persembahan mereka (Mohd. Taib Osman.1976:12). Maklumat persekitaran yang digunakan dalam bahan-bahan pengucapan tradisi lisan dikutip daripada pengalaman sumber harian kehidupan mereka. Sebagai masyarakat maritim, orang-orang yang hidup dengan sumber laut lazimnya dibentuk dan dicorakkan dengan watak peribadi yang keras, motivasi yang tinggi untuk mengharungi samudera dalam menakluki lautan untuk mendapatkan rezeki kehidupan. Kekuatan masyarakat ini ialah taat dalam elemen asas kepimpinan, yang membentuk ciri utama peribadi mereka. Semangat kekitaan yang tinggi menjadikan pertelingkahan sesama individu boleh menjadi parah dengan berkongsi rasa marah dan dendam dan menjadikan ia konflik antara kumpulan tertentu. Sejak Tun Mustapha menjadi pemimpin utama negara, masyarakat Suluk sentiasa akur dan taat pada setiap arahan dan nasihat yang diberikan hingga ke hari ini. Walaupun demikian, tentu sahaja wujud segelintir kecil yang berbangsa Suluk yang baru mendarat di negeri Sabah ini, mengambil kesempatan dengan penghormatan tinggi yang dikalungkan pada nama Tun Mustapha. Segolongan kecil inilah yang sering kali menimbulkan suasana tidak harmoni dengan tindak-tanduk yang bertentangan dengan undang-undang. Secara keseluruhan atau majoriti Suluk yang lahir dan membesar di Sabah telah menolak tindakan agresif serta aktiviti subversif minoriti bangsa mereka yang mencemarkan citra imej Suluk sebagai bangsa yang berdaulat.

Tun Mustapha sebagai bapa kemerdekaan negeri Sabah yang berketurunan Suluk amat

berjasa dengan menobatkan kedudukan agama Islam sebagai alat penyatuan masyarakat di Sabah. Sebagai anak peribumi, Tun Datu Mustapha bin Datu Harun yang dilahirkan pada 31 Julai 1918 di Kampung Limau-Limauan, Kudat mengasaskan penubuhan *United Sabah Islamic Association* (USIA) yang beliau pertahankan dengan menyatakan maksud lain USIA bagi merujuk “Utusan Seluruh Islam Asia” (Muhiddin Yusin, 1990:39).

Sejak kemunculan Tun Mustapha sebagai tokoh mempersatukan masyarakat Sabah, suku Suluk atau dikenali juga Tausug termasuk sebagai salah satu etnik bumiputera yang turut menyumbang kepada kemakmuran dan kemajuan negeri Sabah. Ada pendapat yang mengaitkan etimologi kata Tausug berasal daripada dua suku kata “Tau” (Ta’u) bererti “orang” dan “Sug” bermaksud “arus”. Dalam konteks inilah “arus” dikaitkan dengan sungai dan laut. Mengaitkan kemahiran masyarakat berkenaan dengan sumber maritim tidak dinafikan kecenderungan mereka dengan aktiviti perkapalan dan perdagangan sebagai sumber kehidupan. Kita mengetahui kepulauan Sulu terdiri daripada ratusan pulau yang menunjukkan sumber ekonomi penduduknya bergantung dengan memungut hasil laut seperti mutiara, agar-agar laut, perikanan serta menjalankan perniagaan secara tukar barang antara Borneo Utara (Sabah) dan Zamboanga dan lain-lain kawasan di Nusantara. Terdapat juga sebahagian masyarakat Suluk yang berurus niaga sambil mengembara menjalankan kegiatan aktiviti dakwah dengan merentasi perairan Laut Sulu hingga ke Laut Sulawesi dan Laut China Selatan. Sesuai benarlah kaitannya yang diberi gelaran pengembara lautan dengan kehidupan harian masyarakat Tausug yang menjadikan lautan sebagai sumber nadi kehidupan mereka.

Walaupun dikaitkan dengan kerasnya watak jati diri pengembara lautan, masyarakat Suluk juga memiliki jiwa yang halus

sebagaimana watak manusia Melayu lainnya. Secara batinnya, jiwa Melayu yang kental dalam darah Suluk tidak menghalang mereka untuk melahirkan sejumlah besar tradisi lisan dengan karya-karya yang dihasilkan dan mencerminkan pemikiran masyarakat yang melahirkannya. Tradisi lisan Suluk tetap indah dan mempunyai keunikannya yang tersendiri. Suluk sebagai suatu entiti, yang membentuk masyarakat tradisional berbangsa Melayu terikat dengan peraturan lisan yang mereka warisi sejak beratus-ratus tahun dahulu. Hasil puisi lisan seperti pantun yang dihasilkan tertakluk kuat pada peraturan yang telah ditetapkan oleh masyarakat Melayu sebagaimana yang diwarisi hingga ke hari ini.

Puisi tradisi ialah warisan budaya yang dicipta untuk diwarisi, dinikmati seterusnya dan menjadi hak milik masyarakat melahirkannya. Tanpa terkecuali bahawa pantun adalah sebahagian daripada puisi tradisional yang terdapat dalam masyarakat Suluk. Dalam bahasa Suluk, pantun bermaksud “kalang” ataupun “kalangan”. Pantun Suluk boleh diklasifikasikan dalam bentuk pantun kanak-kanak, pantun teka-teki, pantun agama, pantun nasihat, dan banyak lagi. Namun, pantun yang kerap diungkapkan ialah pantun nasihat. Biasanya pantun nasihat akan dilagukan apabila tiba majlis-majlis yang melibatkan keramaian yang mengumpulkan ratusan penyertaan kaum kerabat dan acara keramaian penduduk kampung. Pantun Suluk yang diungkapkan terdiri daripada dua bahagian iaitu diungkapkan secara penuturan biasa menerusi selitan dalam perbualan ataupun dilagukan terutama bagi golongan tua dan yang menjadikan aktiviti ini sebagai wadah pengisi waktu di samping menyampaikan hikmah yang terkandung dalam mesejnya.

#### 1. **Pantun Nasihat**

*Istak ka unun sinistak,  
Buku gaunu mabayak tumupukan,  
Manyiat ku maun mabayak itau,  
Itapuk ayun buslutan.*



Terjemahan:

Anak ikan dimakan ikan,  
Tulang di mana hendak dilonggokkan,  
Pandai makan pandai simpan,  
Rahsia jangan engkau bocorkan.

Inilah bukti bahawa golongan Suluk sentiasa taat dan setia pada setiap persahabatan. Pantun (1) menunjukkan kerahsiaan yang disimpan usah dipecah untuk dibicarakan, akibatnya terlalu buruk dan mengundang musibah bala bencana. Peringatan kepada sesiapa yang mempunyai rahsia perlu menjaga rahsia dengan baik, tanda kekal persahabatan dengan setia menyimpan rahsia. Jika tidak tahu membezakan teman dan sahabat akibatnya salah memilih teman atau kawan yang kurang baik yang mengakibatkan aib kepada diri sendiri.

## 2. Pantun Nasihat

*Anakk gajah anakk baluang,  
Limungukuk kumundung lawaan in  
laun,  
Siwak gajah kita umatu,  
Pilanduk miyatai digitung-gitung.*

Terjemahan:

Anak gajah anak beruang,  
Duduk berhenti hilangkan mengah,  
Sesama gajah kita berjuang,  
Pelanduk mati di tengah-tengah.

Bagi makna pantun (2) sebarang usaha untuk meraih kemuliaan hidup perlukan perjuangan. Tidak akan beroleh kejayaan tanpa usaha yang benar-benar serius, sebesar mana pun kejayaan tanpa pengorbanan besar tidak akan memberikan nilai yang diharapkan. Apabila kita berusaha untuk mendapatkan sesuatu capailah dengan bersungguh-sungguh, kelak engkau akan mendapat habuan yang setimpal dengan usaha selagi tidak ada sifat iri hati dan dengki dengan orang lain.

## 3. Pantun Nasihat

*Itayauk palaun lawaan in laun,  
Ipuh luanan unud upi,  
Rusa in tembakunku in kijang,  
Pagitaku in pilanduk mapatai.*

Terjemahan:

Sampan kotak perahu cina,  
Sarat bermuat ubi keladi,  
Rusa kutembak kijang terkena,  
Sampai dilihat pelanduk mati.

Pantun (3) merujuk pada falsafah kehidupan tanpa matlamat, ibarat kapal berlayar tanpa arah tujuan. Kita perlu meletakkan satu matlamat yang jelas dalam kehidupan agar hidup kita lebih terancang dan sistematik agar apa yang kita inginkan akan tercapai walaupun tersasar daripada matlamat sebenar.

4. *Tagnaan ta bismillah,  
Lapal alhamdulillah,  
Delina maula-ula,  
Kan indah sharlina.*

Terjemahan:

Dimulakan dengan bismillah  
Bersyukur kepada Tuhan  
Ikatan persaudaraan tidak terputus  
Sehingga ke akhirnya.

Pantun (4) merujuk pada perbuatan bersyukur kepada Allah SWT dengan anugerah yang bakal disatukan pada kedua-dua buah keluarga tatkala ditemukan jodoh anak mereka melalui perkahwinan yang bakal dirancang. Masyarakat Suluk percaya setiap perkahwinan adalah mengikat tali persaudaraan sebab itulah semakin menambah rasa kekitaan yang mendalam sesama mereka.

## 5. Pantun Nasihat

*Wahai bagai wahai eban,  
Taik maun la sia mahipuk katulusan,  
Banglah mangi tai maun ka suratan,  
Banglah marayau mamuji sin Tuhan.*

Terjemahan:

Wahai sahabat wahai teman,  
Terimalah dia penuh keikhlasan,  
Andai buruk anggaplah dugaan,  
Andai baik pujilah Tuhan.

Pantun (5) masih lagi membicarakan persoalan nasihat sebagai peringatan apabila mencari sahabat perlu menerima dugaan, reda dan menerima perengai sahabat dengan hati yang ikhlas. Ramai orang yang mencari sahabat untuk membenarkan kata-katanya tetapi sedikit sekali yang mahu mencari sahabat yang berkata benar. Tiadalah yang lebih disenangi dalam masyarakat Suluk selain sahabat yang sentiasa mendampingi sewaktu susah dan senang.

(6) *Ayau nag malau mag lawak,  
Mahuli in kita kia lupahan,  
Mag lawak iban kia lupahan,  
Mag tagisna aku halaum kasedihan.*


Terjemahan:

Janganlah dicari seorang kekasih,  
Kelak kita akan disisih,  
Jika kasih luntur bersih,  
Menangislah diri hidup bersedih,

Pemilihan kata kekasih dalam konteks pantun (6) merujuk kepada sahabat yang berhati bersih. Pilihlah untuk berkasih dengan sahabat yang sentiasa memberikan pertolongan saat belum diminta untuk huluran tangannya. Sahabat yang baik akan memberi dan tahu bila saatnya untuk menolong tanpa perlu diminta berbuat demikian. Jika tidak dijaga dan dipelihara, setiap sahabat yang baik akan meninggalkan kita. Maka pada saat itu terimalah sebaiknya dan jika berkemungkinan akan putus kasih, maka hidup kita pasti akan mengalami kesedihan.

Ketiga-tiga persoalan yang dikemukakan dalam penulisan ini, bertujuan untuk menjawab

persoalan yakni menyatakan pantun sebagai alat pengucapan budaya dan cerminan pemikiran masyarakat penuturnya. Dengan meneliti struktur etnopoitika pantun Suluk maklumat budaya yang dizahirkan menunjukkan perkaitan struktur pantun Suluk bersinergi antara pantun dan penutur dalam melahirkan pemikiran masyarakatnya.

Salah satu ciri karya sastera rakyat ialah anonim atau tanpa meletakkan nama seniman penciptanya. Begitulah juga dengan nama pencipta bagi setiap *kalangan* atau pantun Suluk yang tidak diketahui siapakah penciptanya. Apabila diadakan majlis-majlis keramaian seperti majlis perkahwinan dan juga kenduri doa selamat, orang ramai biasanya akan memanggil pemantun ataupun “pangalang” ini. Pemantun biasanya akan diberitahu selewat-lewatnya tiga hari sebelum majlis itu berlangsung. Pemberitahuan ini bertujuan untuk memberi masa kepada pemantun supaya dapat membuat persediaan awal seterusnya mengelakkan daripada melakukan kesilapan di dalam majlis. Maka, pemantun akan berlatih di rumahnya dengan bantuan daripada ahli keluarganya sendiri. Biasanya “pangalang” akan mula berpantun sebelum akad nikah ataupun sebelum membaca tahlil untuk doa selamat. Pemantun akan memulakan dengan meminta izin daripada ketua kampung dan juga hadirin yang datang. Kepakaran yang mereka miliki akan diwariskan kepada ahli keluarganya sendiri. Mereka ini dianggap pejuang kerana mereka mampu menaikkan semangat kepada penduduk sekeliling serta dapat memberi nasihat di samping sedikit sebanyak dapat menginsafkan sesetengah individu. Dalam konteks inilah pengetahuan tentang etnopoitika membantu dalam menyerlahkan pemikiran masyarakat Suluk. 

Menemui Bonda

*Menemui bonda  
ada lukisan derita  
mewarnai wajahmu  
saat kaupejamkan mata  
dan terbuai lena  
dalam pelukan malam.*

*Ada jutaan rasa kau bisukan  
dalam tekunmu  
mendewasakan aku  
menepuk tampar kedegilanku  
menyuapi pahit manis kehidupan  
demi memanusaiakan aku.*

*Menemui bonda  
belum pernah kau suakan  
lelahmu  
muntahkan sesalmu  
menatangku menuju dewasa  
demi membawakan aku ke syurga.*

Noriezzsma A. Gaib

Hujan

*Hujan malam ini  
aku cuba bertanya  
apakah erti titik-titiknya  
dingin menyelinap perlahan  
antara bilah-bilah waktu  
derunya di jendelaku  
rumput-rumput kebasahan  
lantai berandaku juga basah  
kalbuku pun ... basah  
bersama dingin hujan malam ini  
aku bertanya lagi  
hujan ...  
kalaulah kau tak datang-datang lagi.*

Lily Johnny

Resah

*Di tubir matamu  
berwalang jujai  
hilang teduh pelangi  
resah merobek hati  
senyummu rekahan kaca  
tenggelam di mangkuk duka  
bagai siang tanpa mentari  
merobek senyum  
tanpa noktah.*

Siti Salwana

# Tanah Pusaka

oleh R. M. JASNI

Awan putih bertompok-tompok mendepani langit biru di angkasa. Jauh melewati horizon, awan hitam pekat memanjang, menandakan hujan akan turun di beberapa kawasan, namun kawasan tapak tanah pusaka Arman yang letaknya di pinggir kota nampak cerah.

Tanah itu kini dikelilingi taman perumahan menjadikan bentuknya seolah-olah sebuah pulau. Sebahagian besar daripada kawasan itu masih dalam keadaan asalnya, dipenuhi belukar dan terbiar kosong, kecuali sebuah rumah papan tua dan tanaman buah-buahan tradisional seperti sukun, terap, pinang dan mangga tua sebesar dua pemeluk.

Tanah itu asalnya milik nenek Arman, diwariskan kepada ayahnya dan bapa saudaranya Baindang. Sebelum ayah Arman sempat melihat kejayaan anaknya, ayah Arman kembali ke rahmatullah kerana diserang penyakit jantung. Ketika itu, Arman berada di luar negara melanjutkan pelajaran, nama ayahnya kekal dalam geran itu bersama nama bapa saudaranya.

Pokok buah-buahan itu ditanam berdekatan antara satu sama lain, sehingga pokok-pokok itu masing-masing bersaing mendapat cahaya matahari, tumbuh meninggi tanpa menghasilkan buah, kecuali mangga air yang ditanam di suatu sudut yang lain.

Baindang diamanahkan mendiami rumah itu dan menjaga bahagian ayah Arman. Baindang baru sahaja balik dari kawasan pokok mangga memantau buahnya yang lebat. Baindang bersungut kerana buah mangga di tanah warisnya itu diambil orang tanpa izin.





# TAMAN BAIK

“Suka-suka ambil buah mangga orang. Macam milik sendiri,” gerutunya.

“Assalamualaikum, Apa khabar pak cik?” Tiba-tiba seseorang menegurnya. Baಿಂದang menoleh ke belakang.

“Hai! Bila kau sampai, Arman?” Baಿಂದang terperanjat, anak buahnya datang menjenguk ketika panas baran masih menguasai dirinya. Arman mendekati bapa saudaranya dan memeluk orang tua itu.

“Apa pak cik bising-bising ini?” tanya Arman.

“Buah mangga kita dicuri orang. Potongan kayu dan batu lastik bersepah di bawah pokok mangga. Buah mangga itu masih muda, tapi dilastik budak-budak, malah dilempar dengan kayu,” jelas Baಿಂದang sambil menyapu keringat dengan tuala lusuh.

“Biarlah mereka ambil sedikit, pak cik. Lagipun mangga itu bukan manis, asam!” Arman cuba mencairkan kemarahan pak ciknya.

“Eh! Mana boleh! Mangga itu waris kita,” balas Baಿಂದang meninggikan suara. Hatinya masih panas.

“Naiklah ke rumah,” pelawa pak ciknya.

“Tidak payah pak cik, saya singgah menjenguk pak cik sahaja. Saya mahu jumpa Dato' Gan. Dia telah menawarkan jawatan penting dalam syarikatnya,” jelas Arman.

“Siapa Dato' Gan?”

“Kawan baik bapa dulu,” jelas Arman dan menyambung, “dulu rakan kongsi bapa sama-sama buat kerja kontrak.”

“Ooo... Gan kontraktor itu. Sudah jadi Dato' dia?” tanya Baಿಂದang.

“Sudah, pak cik. Dia kaya-raya dan sudah jadi kontraktor besar,” Arman memuji sahabat arwah ayahnya.

“Kalau macam itu, duduklah sekejap di pangkin pak cik. Pak cik *dandam* kau juga,” kata Baಿಂದang sambil duduk bersebelahan dengan Arman, macam orang bercinta.

“Saya sudah balik seminggu dari England, pak cik. Tapi sibuk cari kerja. Saya ajukan permohonan pada beberapa buah syarikat swasta, tapi gaji rendah dan tidak sesuai dengan

pengetahuan saya, pak cik.”

“Kenapa tidak cari kerja dengan kerajaan sahaja.”

“Saya sengaja memohon kerja dengan swasta kerana saya berniat mahu menceburkan diri dalam bidang keusahawanan, pak cik.”

“Dulu ... bukannya kau belajar dalam bidang akauntan, Arman?”

“Ya ... tapi saya dinasihatkan menukar jurusan. Saya belajar kejuruteraan.”

“Oh... *genering?*”

“Ya, pak cik. Jurutera Binaan. Pak cik, sihat?” tanya Arman mengalihkan rasa geli hatinya apabila pak ciknya menyebut *genering*.

“Sihat orang tua! Pak cik sering sakit, terutama sendi pak cik. Salah makan, bengkok!” kata Pak Cik Baಿಂದang mengadu sakitnya.

“Penyakit gout itu pak cik. Jangan makan makanan tinggi kolesterol,”

“Budak-budak ejek pak cik, 'GDL ... gout datang lagi' apabila mereka melihat pak cik berjalan *kimpo-kimpo*,” kata Baಿಂದang tersenyum. Arman turut ketawa, kerana pak ciknya kehilangan kosa kata perkataan tempang.

“Budak-budak mana yang curi mangga pak cik?”

Pak ciknya tidak menjawab pertanyaan Arman terang-terangan. Dibisikinya ke telinga Arman... “Budak.”

“Ohhh ... memang masalah budak-budak terbiar itu. Tapi, biarlah pak cik. Tuhan akan balas budi baik pak cik itu kerana menolong orang susah,”

“Kalau mereka minta izin, pak cik tidak marah!”

“Halalkan sahaja pak cik. Biar Tuhan sahaja menghukum mereka.”

“Kalau bukan musim buah, tiga biji buah mangga harganya RM2.00. Kalau musim buah 10 biji satu ringgit,” jelas Pak Cik Baಿಂದang. Maksudnya, walaupun mangga asam, Baಿಂದang tidak mahu buah mangganya diambil orang tanpa harga.

“Begini sahaja pak cik ...” Arman membisikkan sesuatu ke telinga bapa

saudaranya.

“Hiss! Jangan! Itu pusaka. Nenek kau pesan mangga itu biar mati tua,” jelas Baಿಂದang yang bermaksud tanah itu tidak boleh dijual.

“Pak cik ... maksud saya, kita bukan tebang pokok mangga itu percuma”

“Tapi siapa mahu beli pokok mangga, bukan boleh buat papan.”

“Bukan tebang mahu dijual kepada sesiapa ... kita tebang kerana digantikan dengan pembangunan!” jelas Arman tersenyum.

“Nanti ... nanti! Tanah dan pokok mangga itu pusaka kita. Mana boleh tebang!” Wajah bapa saudaranya berubah menahan rasa kurang senang apabila anak buahnya terfikir mahu menebang pokok mangga itu. *Dandamnya* pada anak buahnya beransur hilang.

“Bukan kita jual, pak cik. Kita buat usaha-sama dengan pemaju perumahan. Dia bawa wang, kita bawa tanah. Wang dan tanah disatukan boleh menghasilkan kesenangan,” tegas Arman.

“Tapi hilanglah harta pusaka kita! Tidak! Daripada kita ditipu orang, biarlah pokok mangga itu di situ. Pokok mangga itu bukan ganggu kita.”

“Pandangan pak cik betul. Banyak orang sudah ditipu oleh pemaju yang mencuba-cuba jadi pemaju. Tanah digadai di bank, apabila pemaju mati, projek terbengkalai. Tanah sudah di tangan bank,” Arman menjelaskan perbuatan tuan tanah mengikat perjanjian dan memberi wakil kuasa kepada pemaju tanpa memikirkan risikonya.

“Nah! itu saya *bilang* (cakap),” balas Baಿಂದang.

“Itu bukan penipuan, pak cik. Orang yang menipu dirinya sendiri. Orang kurang pengetahuan jangan berkongsi dengan orang yang pintar. Orang bilang, orang bodoh makan orang yang pandai. Orang lemah makan orang yang kuat,” Arman seolah-olah memberi kuliah pada bapa saudaranya.

“Tidak! Pak cik fikir lebih selamat, dapat dua tiga ringgit daripada harga buah mangga itu daripada ditebang dan pak cik ditipu orang,” Baಿಂದang menegaskan prinsipnya.

“Pokok mangga itu boleh ditebang dan digantikan dengan rumah kediaman dan bangunan kedai. Keuntungan kita berganda-ganda, ganti pusaka nenek,” pujuk Arman pada bapa saudaranya.

“Kau belum ada pengalaman, Arman! Orang akan tipu kau,” pak ciknya meragui kemampuan anak buahnya.

“Saya jurutera, pak cik. Lagipun saya boleh menyanyi lagu yang sama dengan pemaju. Walaupun suara kami berlainan, tapi Arman tahu lagu mereka. Kalau merugikan, bikin apa kita korbankan harta pusaka kita,” jawab Arman membuat bapa saudaranya terpaksa berfikir dan terdiam sejenak.

“Ya ... pak cik tahu, tapi ... *genering* juga boleh ditipu orang,” balas Pak Cik Baಿಂದang menentang pandangan anak buahnya. Arman tersenyum dan menerima dengan baik pandangan bapa saudaranya.

“Pak cik, saya beri cadangan sahaja. Pak cik fikir! Tanah kita termasuk dalam kawasan zon perumahan. Tanah ini sudah jadi tanah emas, cuma kita tidak nampak, kerana terlindung oleh pokok mangga pusaka nenek itu,” kata Arman menyindir bapa saudaranya.

“Apa pun pak cik tidak setuju, peninggalan orang tua, tidak boleh kita hapuskan,” balas Pak Cik Baಿಂದang dan bingkis bangun dari pangkin kerana kurang senang dengan cadangan Arman.

“Pak cik, tidak ada apa-apa boleh kita dapat dengan pokok mangga itu pak cik! Tapi kalau pak cik takut ditipu orang, saya hormati prinsip pak cik itu.”

Dalam benak Arman berkata-kata, “Degil orang tua ini tidak mahu terima kenyataan. Bagaimana Pak Cik Baಿಂದang merubah kehidupannya, jika pak cik tidak tahu menilai hartanya,” mahu sahaja Arman mengatakan bapa saudaranya kolot, namun dia tidak mahu melukakan hati orang tuanya. Apalagi menuduh bapa saudaranya bodoh. Arman mana boleh jadi macam sekarang, kalau orang tuanya bodoh!. Arman sedar, sekali hati bapa saudaranya luka, bukan senang dapat disembuhkan oleh masa.

“Sudah ramai broker memujuk Pak Cik Baindang supaya menjual saja tanah pusaka itu dengan harga yang tinggi, tetapi pak cik tidak mudah makan pujukan. Pak cik tidak pandang wang. Pak cik fikir harta pusaka lebih penting daripada wang yang banyak. Orang boleh rosak kerana wang. Akong pernah memujuk pak cik menjual saja tanah itu. Dia mahu beli RM10,000 satu ekar. Tapi pak cik kata, “Ribu-ribu pun saya tidak jual.”

“Kau jangan bodoh, Baindang! Tanah ini, Kau boleh senang,” kata Akong terus pujuk Pak Cik.

“Tidaklah! Akong. Ini satu-satunya tanah waris bapa kami.”

“Aya, susahlah, kalau macam itu. Saya sudah kasi kau jalan cari senang, tapi kau tidak faham,” kata Akong kecewa.

“Kalau Baindang tukar fikiran, panggil saya. Cakap sahaja berapa harga kau minta, kita boleh runding,” pesan Akong. Akhirnya Akong mengalah dan meninggalkan rumah bapa saudaranya.

“Terima kasih pak cik, keyakinan pak cik tentang harta pusaka ini, sangat saya sanjung tinggi. Tanpa pak cik mungkin tanah ini sudah jatuh ke tangan orang,” kata Arman menghargai prinsip bapa saudaranya.

Arman menyifatkan bapa saudaranya seperti semut merah yang membiak ribuan banyaknya di pohon mangga itu. Tanpa semut merah itu, buah mangga pakcik sudah dipanjat orang.

“Pak cik, Akong itu orang tengah. Dia makan tengah. Pangkal dan hujung untung besar, tengah rugi besar” jelas Arman.

“Pak cik tahu, Akong akan mencari kawan yang ada wang dan membeli tanah itu.”

“Betul, pak cik. Dia bawa pemilik tanah jumpa peguam dan membiar pemilik tanah berurusan dengan peguamcara. Sesudah pemilik tanah menandatangani borang tukar nama, mereka akan jual tanah itu kepada seorang pemaju perumahan. Peguamcara yang baik hati, selamatlah tuan tanah,” kata Arman menerangkan kepada bapa saudaranya.

“Kawan pak cik ada cakap bahawa apabila

tanah dijual pada pemaju, harganya dikira kaki persegi. Orang tengah beli dari kampung, dikira ekar. Pemilik tanah dapat habuk. Biar orang kata pak cik bodoh, tapi pak cik lebih bodoh kalau pak cik kena tipu,” kata Baindang.

“Saya tidak sangka pak cik tahu semua hal muslihat jual beli tanah itu. Saya kagum pada pendirian pak cik. Saya setuju pada pandangan pak cik. Saya kerja dulu dan pak cik tengok ... kalau saya boleh maju, harta pusaka kita tidak akan hilang sia-sia,” Arman meyakinkan bapa saudaranya.

“Pak cik pun harap kau boleh maju. Sia-sia kau belajar bertahun-tahun di luar negara, dan pulang kampung menjual harta pusaka.” Berdesing kata-kata itu di telinga Arman. Dia rasa malu kalau gagal dalam kehidupan ini sebagai orang terpelajar. Nasihat bapa saudaranya pedas didengar, tetapi besar maknanya kepada kehidupan Arman.

“Pak cik! Saya balik dulu. Senang-senang saya datang jumpa pak cik.” Arman memeluk bapa saudaranya dan beredar ke tempat Dato' Gan.

“Saya kawan baik sama lu punya bapa. Kau kerja sama saya dulu sebagai jurutera. Saya kasih satu rumah dan satu kereta. Fasal tanah pusaka itu sama-sama kita kasi maju,” kata Dato' Gan mencadangkan pada Arman.

“Usaha sama macam mana Dato' Gan?,” tanya Arman.

“Jangan panggil saya Dato'. Panggil saja Gan. Saya kasi modal, kita tubuh syarikat 'Taman Baindang'. Ekuiti saya 60%, Arman 20%, Baindang 20%. Saya menjadi Pengerusi manakala Arman menjadi Pengurus dan Jurutera syarikat itu,” cadang Dato' Gan.

“Bapa saudara saya bukan senang diurus. Apa nasihat Dato' supaya pak cik saya membenarkan pokok mangga itu ditebang?” soal Arman seperti melonggokkan masalahnya di hadapan Dato' Gan.

“Jangan cakap tanah itu dijual. Katakan saja Dato' Gan memberi modal. Syarikat itu milik Arman dan Baindang. Baindang tentu setuju, tanah pusakanya diurus dengan baik,” nasihat Dato' Gan.



“Tapi Dato', bapa saudara saya tidak mahu pokok mangga itu ditumbangkan,” jawab Arman berbincang dengan Dato' Gan.

“Aya! Taman perumahan saya ada tinggal tiga unit lagi rumah *semi-detach*. Satu unit Baindang boleh ambil. Ganti pokok mangga,” cadang Dato' Gan.

“Dato' cukup baik hati sebab tolong saya,” balas Arman gembira.

“Saya kawan bapa kau dari bujang. Saya tinggal sama bapa Arman masa Jepun. Saya bukan kenal-kenal Cina, kami sudah macam saudara sendiri,” balas Dato' Gan ketawa dengar sanjungan Arman itu.

“Saya dengar Dato' banyak tolong orang susah. Patutlah Dato' dianugerahkan penghormatan negeri.”

“Dalam hidup ini, kita mesti saling tolong menolong. Orang kaya tolong orang susah. Lagipun kita satu Malaysia. Sudah ramai kahwin campur,” balas Dato' Gan dan kedengaran pintu bilik Dato' Gan diketuk orang. Setiausaha peribadinya muncul menjenguk.

“Tetamu sedang tunggu Dato' di bilik tetamu,” kata gadis genit itu memaklumkan pada Dato' Gan.

“Saya beredar Dato' dan Selamat Tahun Baharu,” Arman beredar dari kerusi hendak keluar. Langkahnya terhenti dan memandang ke arah Dato' Gan.

“Oh ya .... Selamat Tahun Baharu Cina, semua pekerja dijemput ke Restoran Pelabuhan, kita makan besar. Arman bawa Baindang,” pelawa Dato' Gan. Arman tidak berkata apa-apa tetapi tersenyum menandakan dia dan pak ciknya akan turut hadir dalam jamuan itu.

Arman keluar dari bilik pejabat Dato' Gan dan rakan kongsinya dari Singapura masuk bertemu Dato' Gan. Entah apa yang dibincangkan, pastinya hal ehwal perniagaan.

Arman ke unit bahagian kakitangan untuk mendapatkan kunci rumah kediamannya. Arman akan memulakan tugasnya sesudah berpindah ke rumah yang diperuntukkan khusus untuk jurutera syarikat Dato' Gan itu.

Dalam perjalanan Arman melihat rumah tumpangnya, dia terfikir, syarikat yang akan ditubuhkan bersama Dato' Gan itu hendaklah sebuah anak syarikat Dato' Gan yang dikendalikan sepenuhnya oleh Arman sendiri. Dia yakin akan berjaya dengan bimbingan Dato' Gan. Demikian fantasi yang bermain dalam kepalanya.

\*\*\*

Selang setahun Arman keluar dari bangunan tiga tingkat itu membawa lukisan penyediaan tapak bangunan dan lengkap dengan lukisan kejuruteraannya. Dia dengan beberapa orang kakitangan menaiki kenderaan pacuan empat roda menuju ke lapangan kerja. Kawasan telah dibersihkan, penambakan sehari dua lagi akan siap sepenuhnya.

Juru ukur sedang memulakan kerja pengukuran tapak bangunan, jalan-jalan raya, perparitan dan kedudukan jana kuasa elektrik ditentukan. Kedudukan rumah teres satu tingkat di sebelah utara dan rumah kembar diletakkan berhampiran dengan taman perumahan Dato' Gan.


Syarikat Taman Baindang itu akan siap sepenuhnya dua tahun daripada tarikh kerja pengukuran projek itu. Bekas kedudukan pokok mangga itu dipilih meletakkan banglo milik Arman dan Baindang bapa saudaranya. Tanah kosong, semak belukar itu berjaya diubah menjadi kawasan perumahan. Ketika Arman bersanding dengan gadis pilihannya, Baindang pula memakai songkok di majlis itu. Manakala nenek dan ayahnya tidak sempat melihat semua itu.

## GLOSARI

*Dandam* - Rindu

*Kimpo-kimpo* - Tempang

*Semi-detach* - Rumah Berkembar

*Genering* - Sebutan masyarakat kampung untuk perkataan *Engineering* atau Jurutera Binaan 

# Namaku Negara

oleh FARIDAH ABDUL HAMID

Hujan lebat. Aku seperti kambing yang berteduh di bawah cucuran atap. Mengeluh dingin. Mendengar guruh. Merakam kehebatan panahan petir. Menunggu awan mendung menjadi cerah, membebaskan matahari dari kekaburan. Lalu ketika cahaya terang benderang - mengeringkan, aku seperti itik pulang petang, mengepak sayap melangkah dalam dingin yang membunuh marah - seketika.

Aku gelisah, urat saraf kakiku juga kejang disebabkan oleh lalu lintas yang sesak. Apa lagi jalan raya masih basah. Lopak-lopak batu yang memercik air berpasir apabila dilanggar kenderaan beroda. Baju hujan ini ,menyelamatkan pakaianku dari basah dan kotor – kemeja putih, tali leher berwarna merah

melekap di dada – kesejukan. Pakaian yang luar biasa sedangkan hari ini adalah hari pengadilan. Atau hari ini hari malang atas hujah kenakalanku. Anak muda yang baharu cukup umur. Atau hari ini tersingkapnya kebenaran.

Aku berdoa tidak akan berhadapan dengan orang yang aneh. Orang aneh yang masih hidup dalam kemunduran akal dalam tahun yang bermula dari angka ganjil, ketika semua orang mengakui kebebasan milik benda hidup di muka bumi ini, seperti juga perasaan cinta yang tidak berwarna.

Aku juga bimbang akan berhadapan dengan orang yang sentiasa mencari permusuhan kerana merasakan dirinya tulen – sejati. Atau orang yang sentiasa menghitung pangkat dan wang ringgit itu akan memberi kebahagiaan. Atau yang merasa kemenangan dengan melihat kekalahan orang lain.

Dan aku ialah aku, yang datang dengan segala kepandaian mungkin sama seperti orang lain atau lebih hebat. Walau menghairankan, kerap kali perbualan tidak berkisar tentang kepandaianku yang bersusah payah aku kutip separuh usia mudaku. Akibatnya kerap kali aku menahan lapar dan dahagakan kebebasan.

Keanehan ini milikku.

Aneh yang mungkin terzahir kerana kecuaiian manusia atau



mungkin teknologi.

Pernah disebut, apa ada pada nama tetapi disebut juga harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.

Perhitungan alam barzakh tidak mempunyai kaitan dengan nama.

Percayalah namaku Negara.

“Ujilah dunia ini dengan kebenaran dan hakikat,” pesan kawanku yang bijak menawan marahku.

Dia merasa luar biasa akan nasibku. Hanya satu dari sejuta, mungkin tidak pernah terjadi sebegini.

Sesiapa pun tidak percaya. Teknologi abad ganjil ini berjaya membodohkan manusia. Lalu manusia terkapai-kepahi memberi alasan kesilapan teknikal.

Hakikatnya, bercerita tentang diri ini akan menemukan kehairanan yang membelit hidupku. Aku seperti sebuah pintu yang menyingkap misteri kehidupan dunia tanpa sempadan yang berpunca dari kesilapan kecil.

Aku tidak dinasabkan kepada ayahku pada akhir namaku seperti orang lain. Aku anak kedua dari tiga orang adik-beradik.

Nama yang aneh, aku memujuk diri dan tertawakan diri. Selalu kebenaran itu sengaja dipalsukan supaya tidak ada hati yang luka.

“Jurutaip pengsan dan tertekan butang proses. Ketika itu jurutaip sedang memikirkan soal kedaulatan negara. Kamu menjadi interpretasi kegelisahannya,” ujar ayahku.

Sewaktu zaman kanak-kanak, aku menerima segala jawapan. Aku anak ayah dan ibu. Kata jiranku, wajahku seiras ayahku. Aku bangga. Aku anak ayah.

Setelah remaja dan menjadi dewasa, fizikalku berubah. Aku bukan lagi seperti ayahku - kami seperti sahabat.

Duniaku semakin terbuka. Dari laman sosial maya sehingga realiti, persekitaranku menjadi ganjil. Dan aku mula berasa kehairanan ketika sejarah manusia telah beratus tahun berevolusi, aku berdepan dengan nasib yang luar biasa.

Setelah dewasa dan mahukan pendidikan serta pekerjaan, baharulah aku sedar terdapat satu lagi kesilapan yang memalukan – aku tidak mempunyai bangsa. Di dalam sijil kelahiranku tidak tercatat bangsa.

Ayah dan ibuku juga telah kembali menemui Tuhan.

Sekali lagi dunia bagai mentertawakan aku.

Pernah aku nyatakan kepada kawanku, jika namaku Salman Khan, seorang buta akan tahu bangsaku. Dia akan bayangkan hidungku mancung – besar. Tinggi lampai dan berbulu dada yang tebal. Jika namaku Hrithik Roshan, aku ialah pemuda Hindu tulen. Jika namaku Chow Yuen Fatt, matakku sepet, berkulit putih, mungkin aku tinggi lampai atau rendah seperti kebanyakan orang Asia.

Kerana itu kata kawanku, sambil ketawa terbahak-bahak, nama itu menyelamatkan aku, menenggelamkan kehilangan bangsaku. Menjadikan aku ditengung dua kali, lalu orang akan bertanya dan pada hari tersebut akan terbina satu hubungan kemesraan antara aku dan orang yang bertanya itu.

Ketika rasa malu bertukar menjadi kemarahan terhadap kecuaiannya orang lain, dia memujuk, katanya Islam tidak pernah meminta saudara baru menukar nama, untuk apa berbalah nama asalkan nama yang tidak hina dan menyerupai makhluk yang tidak berakal. Untuk apa mahukan nama yang muluk-muluk, gelaran yang tersangkut di pakaian atau mengekori di hadapan dan di belakang nama jika kelakuan pemiliknya sering melanggar syariat Islam.

Ketika itu aku setuju.

Aku akui, namaku dan nasibku ini sering membawa bahan perbualan. Sering kali pertanyaan tentang bangsaku - aku mulakan dengan senyuman. Neuron menghantar pesanan lalu aku mencampuradukkan pelbagai bangsa dunia yang kononnya bersatu memekatkan darahku. Aku mengutip sejarah lampau yang hanya samar-samar tentang asal-

usulku. Dari moyang, datuk, ayahku atau ibuku dan kini aku.

Bermula dari pertanyaan tentang nama, sesebuah perbualan biasa itu meleret-leret kepada bangsa. Dari seorang perempuan tua yang tidak mengenalku, akhirnya dia turut berkongsi jurai keturunannya.

Seorang perempuan muda yang terpegun dengan senyumanku sukar untuk mengangkat punggung dan sengaja kagum akan namaku. Lalu kami akan bercerita tentang cita-cita terutamanya cinta. Ha! Itulah isi perbualan dengan perempuan muda – isu yang muda lagi mudah.

Aku juga pernah bercerita dengan seorang lelaki pemandu teksi yang sepatutnya menurunkan aku di terminal satu akhirnya terlajak sehingga ke terminal dua. Dia bercerita tentang dirinya dan keluarganya. Lelaki dewasa ... maka butir perbualan amat dewasa dan melangkau inginku.

Dia bertanya dengan nada memujuk dan memperbesarkan isu itu, “Bolehkah kita memilih bangsa yang seharusnya tertulis di dalam sijil kelahiran jika satu hari nanti kita sedar bangsa itu hanya membawa kemurungan, tidak memberi tuah untuk menjadi kaya-raya?”

Katanya lagi, dalam bahasa yang kurang enak, kadang-kadang suatu bangsa sudah dicapai dengan gelaran kejam. Bangsa ini pasti bangsa pemalas, ini bangsa miskin, ini bangsa kaya dan ini pula bangsa pendatang – merempat. Termasuk tanpa izin.

Ketika itu aku hanya mengangguk. Hanya sedikit menokok-tambah - dia dalam kemarahan.

Dalam diam, mungkin lebih baik seperti aku. Tanpa bangsa dengan nama aneh demikian juga wajah yang tidak lagi mewakili bangsa tulen. Aku bebas untuk berlari dan mengakui aku ialah pemilik segala bangsa di dunia ini.

Pemandu teksi itu ketawa, dia terdiam seketika. Katanya, aku bijak berhujah. Katanya, ini satu ideologi baru yang dapat mengelakkan perpecahan. Katanya lagi, aku

bertuah, “Seperti juga durian kahwin. Durian kampung enak tetapi kecil dan apabila dikahwinkan dengan durian lain, ulasnya besar-besar.”

“Namun rasanya kurang sedap.”

“Keasliannya telah hilang.”

“Tidak siapa peduli bukan, itu tetap durian.”

Aku mengangguk tetapi bukan bermakna bersetuju, hanya tidak mahu perbualan ini bertukar menjadi rasis.

Perbualan-perbualan kosong sebegini tidak mati di situ sahaja. Aku memikirkan sebab dan akibat. Saban hari yang terluang hanya terisi dengan mencari jawapan ketika ahli politik berbalah dan saling menguji kesetiaan terhadap tanah ini. Setiap saat juga makna patriotisme diberi makna mengikut kepentingan, amat mengharukan kerana warna kulit. Mungkin juga kerana kejanggalan sebutan nama. Lebih memilukan kerana perbezaan agama. Amat memalukan perpaduan itu dilaungkan ketika menuntut membina kerajaan tetapi rapuh apabila kuasa dalam genggaman.

Amat aneh kita bersetuju iman itu tidak mempunyai kaitan dengan bangsa - keturunan jauh sekali gelaran ciptaan manusia. Apa lagi nama.

Dan hari ini, aku melangkah ke dalam bilik siasatan dengan berani.

Atas kenakalan hujahku yang mungkin sengaja menutupi malangku.

Aku berjaya menyebarkan hujahku dalam laman sosial dan aku berjaya mendapat perhatian pihak berkuasa. Mungkin itu malang tetapi aku percaya terdapat hikmah dalam hal-hal yang menyulitkan.

“Nama saya Negara ....” Perbualan ini dalam bahasa asing.

Tiga orang lelaki dan seorang wanita berpakaian seragam keselamatan tanpa senyuman akan memberi pengadilan atas hujah nakalku itu.

“Nama yang aneh. Kelakuan yang

derhaka,” balas lelaki yang beruban itu.

Lelaki itu menyelak fail hijau – fail sulit di hadapannya. Perbualan ini dirakamkan.

Aku telah bersedia.

“Aku ialah warganegara Pulau Berembang Utara yang sah.”

Mereka tersenyum - sinis.

“Lahir di sini, seperti juga ibu bapaku dan datukku.”

“Hujah kamu sebelum ini meresahkan kerajaan. Tuntutan dan cadangan kamu itu memusnahkan negara. Ini hanya kesilapan kecil dalam sijil kelahiran kamu, tetapi kamu telah membawa isu derhaka kepada negara.”

“Mungkin ada sesuatu hikmah dari kesilapan itu.”

“Apa hujah kamu?”

Dan aku menarik nafas panjang, berdoa dalam diri. Lalu dengan kuasa keyakinan yang ada sebelum ini, aku bercerita tentang setiap darah bangsa yang sebatil dalam tubuhku. Tentang kelainan pada wajahku, matakku tidak sepet tetapi aku berkulit cerah. Aku tinggi lampai, mata biru. Gigiku putih, rambutku ikal tanpa bulu dada.

Aku bercerita tentang kekuatan dan kelemahan yang bersarang dalam diriku. Aku membayangkan diriku seperti sebuah negara yang punya banyak bangsa. Kekurangan sebuah bangsa aku tampung dengan kekuatan bangsa lain. Jika ada yang patah maka akan ada penggantinya. Jika ada yang serong pasti ada jalan perbaikan. Jika satu saat aku hilang arah dan mahu mengalah aku bangkit dan kenang darah bangsa yang berjaya dalam tubuhku.

Aku ialah Negara. Berjaya dan gagal kerana kesatuan dalam diri.

“Awak anak muda yang berdarah panas,” balasny.

Aku nyatakan pada mereka, jangan pernah mempersoalkan siapa diriku kerana aku tidak pernah memilih menjadi begini.

“Aku ialah Negara,” tegasku dengan

punggung yang hangat. Darah yang menggelegak dan muka yang tegang – merah.

“Awak boleh mendapat nama baru dan bangsa mengikut nasab ibumu. Pihak kami akan uruskan semua ini, lupakan hujahmu itu. Awak hanya membunuh kedamaian.”

“Tuan tidak faham, namaku Negara. Semua darah bangsa di negara ini bersatu dalam tubuh ini, aman damai. Satu anggota sakit, semua akan terluka. Jika aku gagal berfikir, maka tindakanku akan membawa ke arah kemusnahan. Jika aku mementingkan diri, aku akan menindas anggota tubuh yang lain. Jika aku kecewa, akan ada kekuatan dalam diriku yang memujuk dan membangkitkan semangat untuk terus berjuang. Namaku Negara yang hidup dengan kesatuan. Lemah satu anggota maka akan tempang pertahananku. Aku ialah Negara dari pelbagai bangsa yang tahu asal-usul dan cintakan kedamaian.”

“Baiklah,” mencebik. “Awak akan terus diperhatikan. Lupakan hujah itu dan hidu plah sebagai warga yang baik.”

“Percayalah namaku ialah Negara. Kaji hujahku itu sebelum memberi hukuman. Tuan juga tinggal di sebuah negara. Jika baik ditadbir maka akan makmurlah pengadilan. Anggota tuan akan sihat walafiat.”

“Sudahlah! Awak dalam perhatian,” putusny.

Sebelum aku keluar dari bilik itu, lelaki beruban itu tersenyum. Baharulah aku perhatikan fizikalnya. Matanya tidak sepet tetapi berkulit cerah. Giginya putih, rambutnya ikal mungkin tanpa bulu dada.

Matanya bulat – retinanya berwarna biru.

Dia menjerit – melatah apabila petir berdentum kuat. Dia gelisah, mungkin kerana hujan. Dia berdiri – rupanya dia tinggi lampai. Dia seperti aku, menyarung sifat pelbagai bangsa dan menjadi rukun dalam jasad yang waras dan gagah. **W**

# Bersuara melalui Puisi

oleh RITA ROBERT RAWANTAS (PENA ALAM)



Pengarah DBP Cawangan Sabah bersama-sama dengan tetamu yang hadir pada Majlis Baca Puisi Daulat.

Jika tangan berani mencencang, bahu hendaklah berani memikul. Jika bahu tak mampu memikul, dalam puisi semangat kepahlawanan ini kita barakan. Bersamasamalah kita sokong, maknanya kita rangkul.

Demikian serba sedikit semangat yang ada dalam jiwa para penyair Sabah yang datang ke Majlis Baca Puisi Daulat dan Malam Puisi Pahlawanku yang bertempat di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Cawangan Sabah pada 17 Mac 2013 dan 23 Mac 2013. Penulis, walau di mana juga mereka berada sentiasa mampu menterjemah warna dan suara hati menjadi wacana sastera melalui karya mereka. Sehubungan dengan itu, pada dua malam tersebut, para penyair “menghunus” nyaring suara lantang menjadi senjata

bagi menegaskan dan menyatakan sikap keprihatinan dan sokongan terhadap para perajurit dan pasukan keselamatan yang sedang berjuang menentang para penceroboh dalam Operasi (OP) Daulat di Lahad Datu, Sabah.

Baca Puisi Daulat anjuran Ikatan Penulis Sabah dan DBP Cawangan Sabah yang diadakan di Perkarangan Dewan Bahasa dan



Antara penyair yang menjayakan Majlis Baca Puisi Daulat.



Pustaka pada hari ke-13 OP Daulat dilancarkan. Baca Puisi Daulat dihadiri lebih kurang 30 orang penyair dari beberapa daerah di negeri Sabah. Dimulakan dengan acara mengimbuai sepintas lalu kejadian pencerobohan, kemudian diselitkan dengan pengumuman khas pelancaran OP Daulat oleh Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan diteruskan dengan bacaan al-Fatihah kepada semua para perajurit yang telah terkorban semasa menjalankan tugas dalam operasi tersebut. Video kejadian pencerobohan yang diperoleh melalui media massa turut ditayangkan bagi mengimbuai kenangan peristiwa berdarah yang telah berlarutan lebih sebulan itu.

Antara para penyair yang telah menjayakan Majlis Baca Puisi Daulat pada

malam tersebut termasuklah Hasyuda Abadi, ketua Satu IPS, Puad Bebit, Jaliha Jaman, Awang Abdul Hamid, Sabahuddin Senin, Muhamad Haji Salleh, Sofie Clara, Ali Amat Anas, Warman Wagiman, Lina Mohammed Lin, Ony Latifah Osman, Noor Aisyah Maidin, Mabulmadin Haji Shaidin, Salbiah Jabrin, Mohd. Izzudin Fitri, Mohd. Nurazwan, Syahfierah Sukor. Turut hadir dan membaca puisi ialah Azridah PS Abadi penulis dari Sandakan, lebih kurang 120 kilometer dari Lahad Datu.

Majlis ini diacarakan oleh Pena Alam dan Jasni Yaakub. Baca Puisi daulat turut diserikan dengan bacaan puisi oleh Haji Jamaluddin Mohd Sulong, Pengarah DBP Cawangan Sabah. Kehadiran adik Siti Asyirah Morlan, Finalis Bintang Kecil RTM 2012 yang baharu



Antara penyair yang menjayakan Malam Puisi Pahlawanku.



berusia 11 tahun menyentuh hati hadirin dengan nyanyian merdu yang bertajuk “Perwira” dan bacaan sajak khas kepada anak-anak pasukan keselamatan yang sedang bertarung nyawa mempertahankan tanahair dalam OP Daulat di Lahad Datu.


Acara Malam Puisi Pahlawanku anjuran DBP Cawangan Sabah berjalan lancar dan diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Arifin Mohd. Arif, ADUN N.24 Membakut yang juga Pengerusi Perbadanan Ekonomi Sabah (SEDCO) dan Ahli Lembaga Pengelola DBP. Acara tersebut yang dihadiri ramai penulis, penyair serta aktivis sastra Sabah berlangsung dengan penuh meriah dan seharusnya diberi pujian kerana pada pukul 8.30 malam lampu utama dalam dewan besar dipadamkan sempena *Earth Hour 2013* seperti yang disarankan oleh Tabung Alam Sekitar Sedunia atau *World Wide Fund (WWF)*. Program *Earth Hour* sejak tahun 2007 sentiasa menggalakkan warga dunia supaya pada hari Sabtu setiap bulan Mac, secara serentak memadamkan lampu yang tidak diperlukan selama satu jam sebagai tanda sokongan terhadap usaha meningkatkan kesedaran masyarakat akan perlunya tindakan serius untuk menangani perubahan iklim.

Majlis yang berlangsung dengan semangat patriotik di dalam dewan yang diterangi cahaya lilin dari setiap meja hadirin, menyaksikan persembahan lima belas penyair yang disampaikan dalam tiga segmen. Segmen pertama dimulakan dengan lontaran suara lantang Hassan Saprin, Presiden Pertubuhan Rumpun Seni Budaya Tawau (RUSTA) diikuti oleh Abd. Karim Gullam, aktivis Sastra, Adriansyah Wayang anggota Polis Diraja Malaysia dari Ibu Pejabat Polis Kepyayan, Kota Kinabalu, A. Karim Kadir aktivis sastra dan penulis, dan adik Siti Asyirah Morlin yang diberi penghargaan membaca puisi pada

malam tersebut.

Segmen ke dua bacaan puisi disemarakkan dengan deklamasi puisi oleh Dulamit Rudin, Johan Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Kemerdekaan Peringkat Negeri Sabah dan Peringkat Kebangsaan 2006, Husin Abdul Ghani wakil SEDCO, Mohd. Zaki Harry Susanto, Setiausaha Persatuan Rumpun Etnik Suluk Sabah (PRESS) dan Noor Aisah Maidin aktivis sastra. Segmen terakhir Malam Puisi Pahlawanku turut menghiburkan hadirin dengan deklamasi puisi oleh Datu Ruslan Sulai, Johan sembilan kali Sayembara Deklamasi Puisi Bulan Kemerdekaan Peringkat Negeri Sabah, Ali Amat Anas, aktivis sastra, Rozman Abd. Latip anggota Polis Diraja Malaysia, dari Ibu Pejabat Polis Kepyayan, Kota Kinabalu. Turut membaca puisi dalam segmen terakhir adalah Puad Bebit aktivis Sastra yang terkenal dengan puisi-puisi berunsur jenaka dan deklamasi puisi oleh Asmah Juning, Johan Sayembara Deklamasi Puisi Peringkat Negeri Sabah 2009 dan 2012.

Majlis ini bukan sahaja berjaya menemukan para penyair untuk mendeklamasi puisi mereka di atas pentas, tetapi malam bersejarah itu turut membolehkan hadirin dan para penyair menghulurkan derma ikhlas yang akan diserahkan kepada Media Prima untuk disumbangkan kepada keluarga para perajurit yang telah terkorban dalam OP Daulat tersebut.

Kedua-dua acara baca puisi yang menyatukan penulis, penyair dan aktivis sastra di seluruh negeri Sabah ini sesungguhnya menunjukkan kesatuan mereka dalam menghadapi krisis pencerobohan Lahad Datu pada Februari yang lalu. Para karyawan sastra secara tidak langsung turut menghargai keharmonian, keamanan dan ketinggian nilai hidup bermasyarakat yang seharusnya terus dipupuk dan dikekalkan di bumi yang tercinta ini. 



# Bulan Penulis Negeri Sabah 2013 Padat dengan Aktiviti Kesusasteraan

oleh FARIDAH ABDUL HAMID



Majlis Pelancaran Bulan Penulis Negeri Sabah 2013.



“**T**ransformasi dan Inovasi Penulis” adalah tema sambutan Bulan Penulis Negeri Sabah 2013 yang diadakan kali kedua. Bulan penulis Negeri Sabah dianjurkan oleh Badan Bahasa dan Sastra Sabah (BAHASA), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kerajaan Negeri Sabah dengan kerjasama Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM), Gabungan Penulis Nasional (GAPENA) dan Persatuan Penulis Nasional (PENA). Pelancaran Bulan Penulis Negeri Sabah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Yahya Hussin, Timbalan Ketua Menteri Sabah, mewakili Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Musa Aman, Ketua Menteri Sabah bertempat di Dewan Besar, DBP Cawangan Sabah pada 5 April 2013.

Sempena majlis pelancaran tersebut, turut dilancarkan 17 buku hasil karya penulis Sabah terbitan ITBM iaitu *Tangga* karya Dr. Chacho Haji Buluh, *Cerita Kota Kami* dan *Karya Penulis Sabah dalam Kritikan* karya Jasni Matlani, *Mencari Warna Daun* karya Juri Durabi, *Tangis Buliga* dan *Pagi di Hujung Senja* karya Kathirina Susanna Tati, *Misi Penyepit Kain* dan *Dukana* karya Ruhaini Matdarin, *Hering* karya Faridah Abdul Hamid,

*Hanya Batu Nisan* karya Mad Sakiran Sulaiman, *Nakad Gunung* karya Emin Madi, *Ke Pulau Sebatik 1* karya Nur Mestika, *Cahaya di Jendela* karya Dayangku Mastura Pg. Ismail, *Jalan Lain ke Lazuardi* karya Badariah Arbin, *Sateria Gagah* karya Pawana dan *Negeri Wangi* karya Ramlie A.R..

Simposium Cerpen Antarabangsa Negeri Sabah 2013 turut diadakan selama dua hari dengan pembentangan kertas kerja oleh tokoh-tokoh bahasa dan sastra dari dalam dan luar negara. Prof. Datuk Wira Dr. Abdul Latif Abu Bakar, Ketua Satu GAPENA membentangkan kertas kerja utama, iaitu “Sumbangan GAPENA dalam Melestarikan Perkembangan Sastra di Malaysia”, diikuti oleh Dr. Saleeh Rahamad, Presiden PENA, Haji Jamaluddin Mohd Sulong, Pengarah DBP Cawangan Sabah, Jaafar Hamdan, Presiden PEKASA, Jasni Matlani, YDP BAHASA, S.M. Zakir, Encik Mohd. Rozlan Mohamed Noor, ITBM dan Hajah Zaiton Ajamain. Wacana ilmu ini juga disemarakkan dengan kehadiran Dr. Free Hearty dan Seno Gumira Ajidarma dari Indonesia dan Chong Ah Fok, dari Brunei Darussalam. Selain itu, Dialog Terbuka bersama R.M Jasni turut diadakan. Majlis itu dikendalikan oleh Raymond Majumah.



**Antara ahli panel Simposium Cerpen Antarabangsa Negeri Sabah 2013.**



**Pelancaran Hadiah Cerpen SEDCO-BAHASA-News Sabah Times ke-5.**

Ucapan penungguhan Simposium Cerpen Antarabangsa Negeri Sabah 2013 disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Arifin Haji Mohd. Arif selaku Penaung BAHASA. Beliau juga melancarkan Hadiah Cerpen SEDCO-BAHASA-News Sabah Times ke-5.

Bulan Penulis Negeri Sabah 2013 akan berlangsung dari 5 hingga 28 April 2013 dengan pelbagai kegiatan di seluruh daerah di Sabah. Antara program dan kegiatan yang akan dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

- i. Program Sastera dan Penulis di Dewan SMK Majakir, Papar (kerjasama BAHASA Papar dan Panitia Bahasa Melayu SMK Majakir Papar) pada 8 April 2013.
- ii. Program Sastera dan Penulis di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Ranau (kerjasama BAHASA Ranau dan Panitia Bahasa Melayu SMK Mat Salleh) pada 11 April 2013.
- iii. Bicara Karya dan Malam Budaya Etnik di Dewan Utama SMK Segaliud, Sandakan (anjaran BAHASA Kinabatangan) pada 13 April 2013.
- iv. Pantomin dan Deklamasi Puisi Semporna di Pekan Semporna (anjaran BAHASA Semporna) pada 15 April 2013.
- v. Pesta Puisi Sandakan di Dewan Kelab Belia dan Sukan Sandakan (anjaran

BAHASA Sandakan) pada 16 April 2013.

- vi. Manifestasi 3 Seni di Kolej Jururawat Tawau (anjaran BAHASA Tawau) pada 17 April 2013.
- vii. Bengkel Penulisan Kreatif di SMK Bandau Kota Marudu (anjaran BAHASA Kota Marudu dan Pitas) pada 19 April 2013.
- viii. Deklamasi Puisi Santai dan Promosi Penulis di Pekan Kota Marudu (anjaran BAHASA Kota Marudu, Matunggong dan Pitas) pada 19 April 2013.
- ix. Citra Pantun Rakyat di SMK Matunggong (anjaran BAHASA Matunggong) pada 20 April 2013.
- x. Bengkel Adaptasi Karya Sastera ke Filem di Sudut Penulis, DBP Cawangan Sabah (anjaran BAHASA pusat) pada 20 April 2013.
- xi. Kongres Puisi Borneo Utara di Dewan SMK Entabuan Tenom (anjaran BAHASA pusat) pada 27 April 2013.
- xii. Majlis Penutupan Bulan Penulis Negeri Sabah 2013 di Kampung Jawa Sumbilling, Melalap, Tenom (anjaran BAHASA Keningau dan Tenom) pada 27 April 2013.

(Program tersebut tertakluk kepada perubahan semasa) 

Mencari Pusaka yang Hilang

*Dalam penuh sukar  
sabar dan debar  
kita ...  
terus meniti waktu yang panjang.  
Dalam mencari  
pusaka yang hilang  
dibawa arus usia  
yang kita perjuangkan;  
dalam kematangan usia  
kita ...  
terus mencari dan mencari  
menyusuri ekor pelangi  
mengukir falsafah hidup  
berpaut pada warna  
yang merintangi usia sementara  
mengajar kita  
menjadi sedar  
walau dalam lena.  
Kekadang  
kita ...  
sama-sama terlupa  
tentang pesan yang kita terima  
tentang falsafah yang kita lakar  
tentang rindu yang kita rindukan  
tentang sayang  
yang kita dambakan  
kita ...  
menjadi penunggu*

*menantikan pesan yang kita pesankan:  
Hari ini  
yang terindah sudah berundur  
lantas  
pandangan kita menjadi kabur  
teramat sukar untuk dimengertikan  
kita sama-sama bertanya  
masih adakah “cinta”  
atas nama  
sebuah rahsia?  
Kita peramat-amatkan destinasiya  
bukan di tabir langit  
bukan di hujung dunia  
bukan pada warna pelangi pun  
bukan di mana-mana  
cuma ...  
dia setia di sisi  
menyaksikan kita  
ketika khusyuk menyembah  
di dada hamparan sejadah  
dengan doa  
sehampanan dunia  
memuji dan memuja kebesaran-Nya.  
Dia ...  
ada di sana  
penambat segala duka  
dan seksa.*

simuk kot @ ara

# **D** *i Tangannya* Ada Syurga

oleh AZIU AZIZ

“**K**alau engkau tak nak belajar, cakap tak nak belajar, senang kita bakar sahaja semua baju-baju tu!” tegas suara amarah Pak Chu. Kebengisan meluap-luap, wajah penyayang sudah tiada. Panas baran Pak Chu sukar dikawal. Kalau Pak Chu boleh bawa bersabar dan tenang sedikit menghadapi situasi yang kecil sangat ini alangkah baiknya. Leah mungkin boleh terima dan berdaya untuk berfikir dengan lebih halus. Hanya setakat itu saja kemampuan Leah. Untuk bersuara jauh panggang dari api. Leah dididik untuk mengunci mulut. Mendengar, memerhati dan tidak melakukan apa-apa

apabila dimarahi. Tidak dibenarkan untuk membela diri. Tiada apa-apa sebenarnya. Cuma mungkin jiwa Leah terlalu mendesak. Terlalu banyak ruang kosong. Terlampau ingin diperhatikan. Mungkin juga.

Secebis kertas dalam poket baju sekolah telah menjadi satu cerita yang sangat merisaukan Pak Chu. Mak Chu telah menemui kertas itu ketika menyelongkar poket baju sekolah Leah sebelum disuapkan ke mulut besin untuk ditelan dan dikunyah. Pendek saja morfologinya. Ayat pasif yang mempunyai imbuhan “me...i” memang akan dikuti dengan kata nama ... “Saya merindui Edward”. Ayat itu melengkapkan pemahaman ayah. Tertera kata sifat yang tercatat kata nama. Anak gadis baru berusia 12 tahun sudah pandai bermain cinta. Risau bertakhta gusar menjadikan Pak Chu seperti “Maharaja Serabut”.

Pak Chu membelasah Leah semahunya. Sakit dikulit sakit lagi di hati Leah. Leah terasa yang dirinya didera tidak dididik. Tidak setakat tangan malah kaki Pak Chu hinggap di bahu dan telinga Leah. Guru ilmu Muay Thai dan silat Pattani masih belum mampu mendidik Pak Chu untuk menjadi penyabar. Naluri lembut dan harmoni selembut seni Melayu. Jatuh pengan Leah tidak sedarkan diri. Bila mata dibuka, Leah melihat Mak Chu di sebelah. Seluruh helaian rambut dan kulit kepala Leah basah. Air asam jawa bercampur daun inai dan beberapa helai daun setawar dalam pinggan tanah berada dekat kepala Leah. Bantal juga basah. Mungkin Mak Chu yang jarangkan



kepala Leah.

Pencapaian Leah dalam akademik tidak memuaskan Pak Chu. Matematik gred C, Bahasa Inggeris gred C, sains gred B. Hanya Bahasa Malaysia gred A. Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tinggal 102 hari lagi. Mungkin itulah yang menyebabkan Pak Chu hilang sabar. Leah sendiri tidak tahu di mana puncanya. Kesedaran telah memuncak dalam diri, tetapi masih tidak mampu untuk mengerakkan emosi dan minda Leah. Tidak mampu untuk merangsang semangatnya. Leah belajar apabila dipaksa. Lantas, kerahan tenaga pun tidaklah sepenuhnya digunakan. Leah takut tidak cemerlang. Leah berusaha, tetapi banyak yang memadamkan semangat Leah, dan melumpuhkannya terus.

“Kakak basuh kain. Kakak angkat kain. Kakak buat susu adik. Kakak sapu sampah. Kakak mop lantai. Kakak ambil bawang. Kakak ambil pandan. Kakak basuh pinggan. Kakak jaga adik. Kakak gosok baju.” Mak Chu mungkin penat bekerja dan mengurus rumah. Lantas gemar meminta Leah membantunya. Leah kasihan Mak Chu dan gembira bila dapat membantunya walaupun sedikit. Tetapi, keseronokan menelaah pelajaran terputus. Tumpuan terpadam arusnya. Idea koyak pucuknya. Tidak lagi bercambah ke atas. Penyambungan yang sudah terhenti memakan masa untuk pulih. Terpaksa bermula balik.

“Jangan kacau adik. Kakak nak buat kerja sekolah ni!”. Terpaksa juga berperang dengan adik-adik. Ruang rumah terhad. Di situlah menonton. Di situlah berehat. Di situlah meniarap. Di situlah makan. Di situlah belajar. Di situlah adik-adik bermain. Dan di situlah pentas debat Pak Chu dan Mak Chu kalau ada permasalahan keluarga yang kadang-kadang menjengah tiba-tiba. Leah sebagai penontonnya. Leah sebagai hakimnya.

Mak Chu banyak berleter. Mulutnya tidak pandai berhenti mengiringi pergerakannya ke sana ke mari. Tangannya pantas melakukan

kerja-kerja rutin di rumah. Mungkin penat atau tanda protes kepada Pak Chu. Pak Chu jarang sekali berada di rumah. Entahlah! Mengalahkan menteri di kampung baru. Siangnya di kebun getah ... menoreh. Petang di kedai kopi ... main dam. Malam di sebelah rumah. Di rumah Pak Long. Bersembang dengan kawan-kawan. Kadangkala dengan anak-anak buahnya. Rumah Pak Long tempat bertandang. Dialah tukang cerita. Macam tukang karut. Macam Tok Selampit. Seperti Awang Batil. Kepuasannya bila cerita dan lawaknya diceritakan sampai berhari-hari. Betul kata Tok Ayah. Orang yang kuat ketawa ini panas baran. Orang yang ramah dengan kawan-kawan ini akan garang dengan anak isteri di rumah. Kera di hutan disusui, anak di rumah mati kelaparan. Bukan lapar kerana tak makan. Tetapi lapar untuk melihat ayah meluang masa di rumah sendiri. Sekurang-kurangnya membantu ibu. Menjaga adik. Melihat aku yang sedang belajar ... itu sudah memadai. Dari menjadi penghibur dan pelawak di rumah bujang. Dengus hati Leah yang melonjak-lonjak jiwa raganya.

Pada pukul 10.40 pagi. Pak Chu sudah siap dengan seluar khaki tiga sukunya, berbaju T-shirt kuning muda tertulis Festival Jualan Buku DBP di bahagian dada sebelah kirinya. Pak Chu suka pakai baju itu. Semangat membacanya mungkin masih kuat. Mungkin sebagai paparan kepada anak-anaknya supaya mencintai ilmu. Sebagai papan tanda untuk anak-anaknya supaya terus belajar.

“Ayahnya, makanlah nasi itu. Kakak yang masak tadi,” ujar Mak Chu sambil tangannya yang bermelankolik melipat kain. Pak Chu memandang Leah seperti serba salah lakunya. Semacam tidak bersetuju, tak puas hati gerakannya. Pak Chu selalu bagi tahu Mak Chu supaya jangan sering menyuruh Leah melakukan kerja rumah. Usia Leah bukan untuk dihabiskan dengan kerja-kerja begitu. Leah harus diberi ruang masa yang banyak

untuk belajar dan menelaah pelajaran. Tapi bagi Mak Chu, sebagai perempuan Leah harus tahu melakukan kerja-kerja rumah.

Motor Pak Chu dipandu laju. Leah lihat anjing di tengah jalan pun cepat melompat ke siring. Melatah dengan motor Pak Chu. Mungkin menyumpah-nyumpah anjing itu. Leah menanti di perhentian di hadapan sekolah seperti biasa. Belum pun Leah membonceng sebaiknya, suara Pak Chu terus menerpa.

“Kenapa kakak tidak siapkan kerja rumah?. Semalam bila ditanya kakak bagi tahu sudah siap. Tapi kenapa hari ni cikgu bagi tahu ayah kakak tidak siapkan kerja rumah”. Badan Leah terus menggigil. Punggunya pun sudah terasa seperti tidak mencecah kusyen motor.

“Kakak terlupa ayah,” ujar Leah dalam ketakutan amat sangat. Dunia terasa kelam. Leah sesungguhnya terlupa amat. Cikgu telah menelefon Pak Chu. Memberitahu tentang itu. Sampai di rumah, Leah melihat Pak Chu membuka tali pinggangnya. Leah seolah-olah sudah dapat rasa kesakitannya sebelum sasaran mengena. Kepedihan di hati amat dalam rasanya. Berbanding kesakitan di kulit. Pak Chu berang. Dua tiga kali kaki Leah digodam tali pinggang Pak Chu. Pak Chu tidak memukulnya di badan. Pernah Pak Chu cakup satu ketika dulu. Jangan kita memukul anak di badan kecuali di bahagian kaki sahaja. Takut nanti anak kita menjadi degil apabila besar kelak. Pak Chu berhenti bila Leah memberitahu ... “sakit ayah, sakit!”. Mungkin Pak Chu tidak sampai hati.

Dalam keberangan Pak Chu, dapat Leah lihat kasih sayang di wajahnya. Mulut Pak Chu bergerak-gerak menahan sebak. Mata Pak Chu bergengang. Kulit wajahnya berkerut menahan sedih. Dia tidak mahu mempertontonkan rasa belas kasihannya kepada Leah. Pak Chu ego. Dia mahu Leah kenal dan mengerti keberangannya. Dia mahu Leah tahu dia seorang yang panas baran. Jelas terpapar di wajah Pak Chu ... dia seorang yang penyayang.

Tapi Leah kecewa. Kenapa Pak Chu tidak sabar. Kenapa harus sedemikian tindakannya. Tidakkah ilmu Pak Chu tinggi, setinggi ilmu perguruan Muay Thai dan Silat Pattannya. Tidak setinggi kitab agama yang ditadakkannya di surau kampung sesudah Maghrib. Adakah ilmu itu tidak mampu mengubah tabii sifat seseorang. Mungkin sekadar mengawal seperti fius di pendawaian elektrik. Semuanya tidak terjawab di benak Leah.

Malam itu Pak Chu tidak lagi bercakap dengan anak-anaknya. Tidak lagi bergurau dengan adik. Pak Chu menyandar di kerusi kayu dengan wajahnya yang mencuka. Sesudah mandi, Leah langsung ke kamar. Kelihatan sekeping kertas yang sudah dicoret terlentang di dada meja. Tertulis, “Ayah mintak maaf kepada kakak. Ayah pukul kakak sebab ingin melihat kakak menjadi manusia yang disegani oleh orang lain. Oleh guru-guru. Oleh kawan-kawan kakak ... dari ayah dan ibu”. Air mata bermanik gugur di pipi Leah. Rasa kesal dan bersalah menyelubungi jiwa raga. Bilik sempit digamat rasa hiba. Sesudah solat, Leah pantas mencapai buku pelajaran. Semangat terus menjolok naluri Leah. Keinginan untuk berjaya tiba-tiba menjadi tinggi. Memuncak tiba-tiba. Leah nak hadiahkan semua kejayaannya kelak kepada ibu dan ayah.

Leah mula membuat latihan. Menyiapkan kerja-kerja sekolah yang diberi gurunya. Pak Chu mengambil beberapa buah buku latihan Leah. Tertulis namanya Zanariah Binti Omar. Kelas 6 Waja. Subjek Matematik. Nama Guru Azizi Ali. Dalamnya terisi beberapa latihan yang bertarikh. Tertera tulisan di bawah “Latihan tidak disiapkan. Tingkatkan usaha anda!” Pak Chu tidak lagi meradang seperti dulu. Mengerti semua itu sikap Leah yang dulu. Terbias dari titip pemerhatiannya yang mengharap Leah maju tanpa dikawal. Rajin tanpa disuruh. Bijak tanpa diasuh. Pak Chu akur kesilapannya. Mendidik dengan air liur tanpa disokong dengan tindakan tetap tidak

membuahkan hasil. Boleh difahami dan dimengertikan oleh generasi Y tetapi tidak mampu untuk bergerak sendiri. Generasi Y tetap perlukan pengayuh untuk mendayungkan perahu mereka.

“Ayah minggu hadapan kakak kena pergi ke pertandingan *Choral Speaking* peringkat daerah.” Leah dengan nada lemah. Memberitahu Pak Chu yang sedang membongkok bersila. Membelek akhbar hari ini. Sambil menemani Leah mengulangkaji pelajaran. Leah takut Pak Chu marah lagi. Pak Chu dapat merasakan perubahan sikap anak sulungnya itu. Leah sudah berani bercakap dengannya. Sudah berani memberitahu sesuatu. Tidak seperti sebelum ini. Mungkin kerana sikapnya yang tidak pernah membuka ruang untuk anak-anak meloncat-loncat dalam komunikasi keluarga.

“Oh ya kah. Hari apa? Di mana?” sahut Pak Chu. “Hari Rabu. Di Sekolah Rendah Chung Hwa”. Leah seakan gembira terpancar dari bola matanya yang bercahaya. Soalan Pak Chu seperti mengizinkannya untuk ke pertandingan itu. Selalunya Pak Chu akan meradang kalau Leah mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah. Baginya tiada faedah yang dapat dikutip. Membuang masa untuk belajar. Membuka ruang untuk anak-anak bersosial. Pak Chu tidak akan berganjak dari falsafahnya yang songsang. Tapi kali ini jauh benar perbezaan sikap Pak Chu.

Barangkali Pak Chu juga seperti Leah. Peristiwa beberapa hari lalu menjadi israk mikraj kepada Leah. Entah apa yang mendentumkan perasaan Pak Chu untuk berubah. Apakah kedewasaan yang baru mematangkan emosi Pak Chu. Atau barangkali juga Pak Chu ada terbaca mengenai emosi remaja. Atau apakah Pak Chu ada terbaca buku mengenai tatacara mendidik anak-anak. Atau Pak Chu mendengar kuliah agama menyentuh tentang pendidikan dalam keluarga di surau kampung. Tidak pasti. Yang pasti Pak Chu berubah sejurus Leah telah berubah lakunya.

Apakah Leah yang selama ini menjadi puncanya? Persoalan itu bermain di kelopak-kelopak benak fikiran Leah. Leah bingung. Apakah besar dosanya selama ini kepada Pak Chu. Atau Pak Chu yang silap kerana meletakkan harapan yang terlampau tinggi untuk Leah. Sehingga Leah sendiri tidak mampu untuk mendakinya.

“Leah tu anak sulung kita. Dia ketua keluarga ini selepas ketiadaan kita nanti. Macam keretapi. Kalau rosak kepalanya maka rosak habislah gerabak di belakangnya”. Leah mendengar perbualan Pak Chu dan Mak Chu. “Lagipun dia perempuan. Dunia sekarang jauh bezanya. Perempuan menjadi mangsa kehidupan. Mangsa didera suami. Mangsa diragut. Mangsa disamun. Mangsa dirogol. Mangsa dibunuh. Mangsa dipersalahkan bila kes buang bayi. Semuanya perempuan,” ujar Pak Chu.

Perempuan sekarang berhadapan dengan dunia yang ganas. Dunia yang tidak lagi mengenal erti perikemanusiaan. Leah harus kuat jiwanya seperti kerikil di lautan. Tidak mudah dimakan masinnya laut. Tidak rapuh dilanggar ombak. Leah kena begitu. Leah perlu ada ilmu pelajaran yang tinggi agar dapat meneroka ilmu kehidupan ini.

Perubahan sikap Pak Chu kebelakangan ini dapat juga dinikmati oleh Mak Chu dan adik-adik. Mereka perasan perubahan itu tetapi diam saja. Mereka juga sama seperti Leah. Melihat perubahan itu tapi meraba puncanya. Mungkin Pak Chu merasakan teori pedagoginya selama ini menyimpang dari objektif yang hendak dicapai. Pendidikan berteraskan penerapan nilai semata-mata tanpa pengawasan tidak akan menghasilkan sebarang makna. Memaksa Leah memahami kehendaknya dengan melontarkan kata-kata nasihat, menerangkan dan memberi contoh kegagalan hidup manusia tanpa ilmu pelajaran tidak cukup untuk mendidik Leah menjalani kehidupan mengikut menunya. Mungkin juga Leah memerlukan kepimpinan melalui teladan.

Mungkin! Mungkin! Mungkin! Mak Chu berdrama dengan dirinya. Bermain kata-kata dengan dirinya. Itu lebih baik bagi Mak Chu. Sukar untuk Mak Chu mempercayai orang lain terutama hal keluarga. Bercerita ibarat membuka pekung di dada, meludah liur ke langit tertimpanya muka sendiri juga. Perkara baik jarang dipuji, perkara buruk pula akan dikeji. Baik berdiam dari bertutur. Itulah terbaik bagi Mak Chu.

Hampir lima bulan lebih sudah rutin kehidupan Leah berubah. Saban kerja rumah tidak lagi dibebani kepada Leah. Tiada lagi suara-suara Mak Chu nyaring memanggilnya. Periuk belanga pun rindu dimandikan Leah. Kain baju di sidaian sudah lama tidak merasa gumpalan tangan Leah. Leah banyak bersila di tepi katil kayunya dari berdiri lama melenguhkan kaki di ruang dapur. Pembelajaran Leah lebih tertumpu dan tersusun masanya. Pak Chu sentiasa ada di ruang rumah. Kalau tidak di ruang tamu, di bangsallah dia mengasah pisau torehnya. Itulah kalam Pak Chu mengajar pohon-pohon getahnya di perbukitan. Pohon getah seperti anak-anak di rumah. Dari benih lagi harus dipilih. Benih yang baik akan menerbitkan bibit yang bagus. Dari bibit perlu dibajai secukupnya agar akarnya kuat untuk menahan batang yang bercabang dan berdaun nanti. Di rumah, mindalah kalam Pak Chu sekarang ini mendidik anak-anaknya terutama Leah. Leah banyak mengulang kaji dan menjawab soalan-soalan peperiksaan. Debaran di dada Leah untuk menghadapi peperiksaan sebenar bertiup kencang. Kadang-kadang Leah tidak mahu makan. Takut masanya terbuang untuk belajar. Sebelah malam Leah banyak membuat latihan. Penanya banyak bergerak dijari kecil. Bergerak dari kiri ke kanan dada buku. Mulutnya termuncung diselangi tangan mengaru-garu kepala. Dahinya berkerut-kerut. Kadang-kadang lancar penanya bergerak, kadang-kadang perlahan.


“Ayah minggu depan peperiksaan percubaan, mula hari Isnin,” ujar Leah.

“Buatlah yang terbaik. Dalam hidup kita ni semuanya bermula dari percubaan. Dari percubaanlah kita dapat menilai yang sebenar.” Pak Chu menyahut sambil matanya tepat memandang Leah.

“Bagaimana kita hendak berjaya yang sebenar kalau dalam percubaan pun kita sudah gagal. Dalam belajar tidak ada istilah bernasib baik. Buatlah betul-betul nanti”. Pak Chu menamatkan kata-kata semangatnya buat Leah. Leah terasa seperti dirinya sudah dewasa. Ungkapan Pak Chu dirasakan terlalu berharga buat dirinya. Bukan sekadar kata perangsang tapi simbol kepada dirinya yang sudah dianggap matang oleh Pak Chu. Jauh! jauh! jauh! jauh! jauh! jauh bezanya dengan dulu. Leah merasakan dirinya adalah anak kepada Pak Chu. Tidak lagi rasa didera dan diperhambakan. Apakah kerana dirinya sudah dianggap matang atau kerana Pak Chu menyahut seruan tu. Mendidik anak menjadi manusia dengan cara manusia.

Doa Pak Chu dan Mak Chu mengiringi Leah melangkah masuk pada hari peperiksaan percubaan. Leah bangga kerana Tuhan menghadihkan permai kasih sayang Pak Chu kepadanya. Merasakan domba kasih ayah dalam percikan api kehidupan. Leah mahu hadiahkan kejayaan itu kepada Pak Chu sebagai piala terima kasihnya.

Leah mengorak langkah pada hari peperiksaan dengan penuh debaran. Leah takut kegagalannya mungkin mengembalikan Pak Chu kepada dunia lampau. Leah tidak sanggup.

“Ya Allah Ya Tuhanku. Lapangkanlah dadaku. Tenangkanlah diriku dan berikanlah aku kejayaan ini untukku hadiahkan kepada ayah.” Leah mula membuka lembaran kertas soalan dan menjawab dengan penuh kelopak pengharapan. 



# Misteri Valentine

oleh HARADIN MOHD. BASRI

*“Domo no tomodochi dozo yoroshiku.”*

Amirul tersenyum membaca pesan ringkas yang dikirim oleh seorang kawan yang baru dikenalnya itu. Bertuah kerana diketemukan dengan pemuda misteri pada masa dan tempat yang sama sekali tidak direncanakan olehnya – yang pasti tidak dirancang oleh Amirul atau kawan baharunya itu. Segalanya suatu ketentuan Yang Maha Esa.

“Terima kasih kawan kerana mengenalmu.” Amirul tersenyum mengingati maksud sebaris ayat asing itu.

“Cikgu-cikgu....” Puan Nor Mahani cuba menarik perhatian beberapa orang guru lama yang mula rimas.

Perlahan-lahan tanpa ada yang menyedari, Amirul memasukkan semula telefon bimbit Nokia N72 ke dalam saku seluar. Amirul tidak terlepas pandang oleh Puan Nor Mahani yang didatangkan khas dari KPM bahagian PPK. Puan Nor Mahani bersama tiga orang rakannya memberi kursus intervensi mata pelajaran Sejarah bagi Zon Sabah. Amirul suka melihat perwatakan Puan Nor Mahani – bukan sekadar orang yang cantik manis walaupun sudah beranak tiga. Puan Nor Mahani bijak menggunakan beberapa patah perkataan dialek Sabah walaupun baru dua hari di sini.

“Bah cikgu-cikgu, kita buat kumpulan sekarang!”

“Boleh *bah!*” Ajuk beberapa orang guru lelaki.

Amirul tersentak apabila kumpulan mereka diberikan petikan akhbar. Bukan

kerana ia ditulis dalam bahasa Inggeris. Bukan juga disebabkan Amirul alergi dengan akhbar seperti sesetengah orang yang mendapatkan surat khabar hanya hendak melihat keputusan “empat ekor”. Atau sekadar dijadikan untuk membungkus buah pisang atau nasi lemak.

“Dendam dan benci pada Jepun belum sudah,” tajuk petikan akhbar yang kami terima.

Sepantas kilat, Amirul teringat semula kawan baharunya. Terpanggil untuk membongkar rentetan hidup kawan baharunya yang penuh misteri itu. Ada kesamaan pada garis hidupnya dengan Hamid Salleh – lelaki tua berusia enam puluhan menceritakan kisah hidup keluarganya dikejami tentera Jepun dalam petikan itu.

Hamid Salleh mendendam Jepun kerana ayahnya yang telah tua itu pernah diseksa gara-gara dituduh menyembunyikan radio. Hamid Salleh masih ingat ketika ayahnya ditendang, dipijak dan dihentak kejam menggunakan bucu senapang. Darah mengalir dari mulut, hidung dan telinga ayah Hamid. Benci dan dendam mula membara. Malah abang sulungnya juga pernah ditampar kerana lupa untuk “hormat” kepada orang Jepun itu. Abangnya diseret dan ditelanjangi. Diikat pada pohon mangga air yang penuh dengan semut merah.

“Dipijak dan dihentak....” Ruang persamaan itu amat jelas pada kotak fikiran Amirul walaupun masih samar.

Sesuatu yang masih kabur untuk difahami ialah garis waktu yang diceritakan oleh kawan baharu Amirul itu adalah zaman penjajahan. Tetapi masih sukar ditentukan siapakah penjajah itu? Tambah memeningkan kepala apabila kawan baharunya itu menyebut nama-

nama orang Inggeris yang sememangnya pernah berada di Sabah. Dia begitu akrab sekali dengan mereka kerana dia fasih bertutur bahasa Inggeris. Dalam masa yang sama dia juga mahir berbahasa Jepun.

Adakah ketika penjajahan Jepun menyebabkan dia berusaha mempelajari bahasa Jepun? Persoalan itu cukup kuat Amirul fikirkan semalaman.

“Saya tahu tidak semua orang dapat menerima saya dan cerita saya. Termasuk keluarga saya. Saya hanya lulusan SPM. Itu pun gagal.” Kata-kata kawan baharu Amirul tiba-tiba menerpa. Ada nada sayu menyebabkan Amirul teliti mendengarkan setiap baris kata yang dilontarkannya perlahan dan sesekali terputus-putus.

“Bukan kerana saya bodoh sangat. Tapi saya tidak seperti kawan-kawan yang lain. Sangat berbeza.”

Pembentangan hasil tugas kumpulan pada tengah hari itu meninggalkan kesan ingatan yang cukup bermakna bagi Amirul dan rakan-rakan peserta yang lain. Dia mendapat pujian oleh Puan Nor Mahani kerana mempersembahkan pengalaman hidup Hamid Salleh dalam bentuk sajak yang disampaikan penuh penghayatan. Ada rasa sayu menyelubungi penghuni bilik kursus itu apabila Amirul mengakhiri pengucapan sajak dengan satu persoalan derita seorang lelaki tua. Itukah sebenarnya yang hendak Amirul sampaikan? Atau sebenarnya garis persamaan itu yang menjadi misteri penghayatannya?

“Adakah kerana misteri hidup saya, maka saudara ingin mengetahui dunia saya?” Terjunta pertanyaan lelaki misteri itu pada ruang fikir Amirul.

Amirul masuk ke bilik 206 tempat dia menginap. Bilik penginapan yang cukup sederhana. Tidak ada tab mandi. Pengepam tandasnya juga sudah rosak. Air mengalir perlahan tanpa henti. Jika dibandingkan bilik yang disediakan oleh pihak penganjur kursus, bilik ini cukup selesa. Tetapi Amirul sudah belajar daripada sejarah, apabila sebilik dengan rakan yang “sihat”, bila malam tiba, bunyi yang menyebabkan dia tidak boleh tidur terhasil oleh

rakan yang “sihat” itu – agaknya bunyi itu suatu seni bagi penggemar irama. Tetapi bagi Amirul, biarlah pagi cepat tiba.

“Apa? Bukankah baju itu telah saya berikan di kaunter awal pagi tadi untuk dihantar ke kedai dobi.” Ada nada kesal keluar dari mulut Amirul.

“Maafkan saya, encik. Kami terlupa hantar pagi tadi.” Suara wanita penjaga kaunter kedengaran berasa bersalah.

“Encik, saya hantar sekarang dan encik ambil esok pagi. Bolehkah, encik?”

“Esok pagi? Aduh! Tak perlulah nanti tolong hantar ke bilik saja!” Amirul menghentikan perbualan melalui telefon itu dengan sedikit nada kesal.

Jika baju Amirul itu tidak sempat dicuci, Amirul sudah tidak ada baju untuk menghadiri majlis penutupan kursus esok. Kalau beli baju yang baru, membazir. Kalau cuci sekarang, belum pasti kering. Kalau baju yang dipakainya ini digunakan esok, pasti ramai yang akan perasan. Perlahan-lahan dia melabuhkan badan.

Banyak perkiraan yang Amirul kemukakan. Setiap satunya mempunyai alasan. Alasan yang semakin lama semakin kabur. Suram.

“Saya tidak mahu menyusahkan saudara. Kalau boleh biarlah saya biarkan orang lain tidak terlibat dengan masalah yang saya hadapi sekarang. Saya tidak mahu menyusahkan....”

“Menyusahkan? Apakah setiap pertolongan orang lain itu membawa kesusahan? Saya hairan melihat saudara seorang yang ... semacam tegas, berpendirian tetapi rupanya lemah.” Amirul seakan memancing semangat juang kawan baharunya.

“Saudara, sanggupkah saudara berkongsi derita yang saya alami sejak lima belas tahun yang lalu? Sakit. Sembuh. Sakit. Dan sembuh lagi. Ada semacam permainan bukan?”

“Bukan permainan tetapi suatu kehidupan, saudara. Kita harus realistik menghadapi kehidupan. Setiap orang mempunyai kehidupan yang tersendiri dan ...” kata-kata Amirul dicantas oleh kawan baharunya.



“Disebabkan kehidupan yang berbeza-beza inilah maka saya rasa tidak adil untuk saya menempuhi kehidupan yang telah ditentukan untuk saya,” ujar kawan baharu Amirul lagi.

“Astaghfirullah! Mengapa saudara berfikiran begitu? Siapa kita untuk memikirkan soal ketentuan dan keadilan? Yang penting kita berjuang,” ujar Amirul

“Berjuang?” Seakan nada mengejek.

“Saya telah lama berjuang. Berjuang. Berjuang dan berjuang. Bukan sekadar melawan ketentuan. Tetapi berjuang menentukan masa depan. Ya, masa depan. Tapi hingga sekarang, adakah saya masih punya masa depan?” hujah kawan baharu Amirul.

“Siapa kata saudara tidak punya masa depan? Bukankah ...,” tiba-tiba Amirul terjaga oleh bunyi telefon bimbit di meja sebelah kiri katilnya. Ada pesanan ringkas daripada Lolok seperti yang tertera di skrin telefon bimbitnya.

“Jangan lupa beli oleh-oleh dari Kota Kinabalu ... mama pesan.”

Amirul menggeleng-gelengkan kepala. Kesal terjaga lebih awal. Jam pada telefon bimbitnya menunjukkan pukul 5.45 petang. Maknanya dia hanya ada sedikit masa lagi sebelum masuk waktu Maghrib. Amirul bergegas ke bilik mandi. Mungkin suatu hikmah.

“Aminnn ...” Amirul mengakhiri doanya.

Tuk ... tuk ... tuk ...” kedengaran ketukan dari luar.

Amirul lantas melipat sejadah dan membuangkannya ke atas tilam. Perlahan dibukanya pintu sedikit dan kelihatan seorang pemuda berdiri membawa bakul plastik hitam

“Maafkan saya, saudara. Eee ... Abang Amirul. Ini baju Abang Amirul yang tidak sempat dicuci. Saya minta maaf banyak-banyak.”

Amirul menarik nafas dalam-dalam. Timbul rasa kasihan melihat pemuda itu seperti keanak-anakan lagaknya yang telah melakukan kesalahan dan minta dihukum.

“Tidak mengapa. Masuklah!” Amirul mempersilakan pemuda itu masuk.

“Duduk. Letak saja atas meja.” Amirul memberi arahan seperti seorang cikgu kepada pelajarinya.

“Maafkan saya Abang Amirul. Sepatutnya saya yang menghantar baju ini untuk dicuci pagi tadi tapi saya terlupa. Saya minta maaf.”

“Sebelum tidur tadi memang saya marah tapi sekarang ... ok sudah *bah*. Sudahlah tidak perlu minta maaf lagi.” Amirul cuba memujuk walaupun di hati tersimpan banyak rasa saling bertingkah-tingkah.

“Valentine ...” Amirul cuba memulakan perbualan yang lebih baik menghilangkan rasa bersalah kawan baharunya itu. Lagipun Amirul telah meminta supaya kawan baharunya itu memanggilnya abang dengan alasan dia lebih tua.

“Saya akan *check out* petang esok. Mungkin saya tidak berpeluang jumpa Tine dalam masa terdekat ini. *So ...* bolehkah jika ... saya dapat sedikit lagi cerita misteri yang pernah Tine katakan semalam? Saya berminat.”

“Berminat?” Persoalan kawan baharu Amirul. Cukup mencurigakan.

“Bukan setakat berminat. Kalau boleh saya ingin membantu Tine. Tidak keberatan bukan?” Amirul cuba memujuk. Bukan setakat untuk menjadi bahan penulisannya tetapi lebih dari itu cuba menuntut pemikirannya agar lebih realistik. Atau kalau boleh menjadi lebih berani dan kuat. Walaupun diri Amirul sendiri sebenarnya baru setahun jagung untuk menjadi lebih berani dan kuat.

Kawan baharu Amirul membatu. Hanya terdengar turun naik nafas. Seolah-olah kebimbangan menghempap kepalanya. Sesekali kedua biji matanya yang jernih itu memandang tepat ke arah Amirul. Pandangan itu menyembunyikan misteri yang cuba Amirul ungkapkan. Malah kalau boleh dia mahu meleraikan agar cerita misteri itu tidak terus menjadikan pemuda ini hidup dalam dunia misteri. Apatah lagi menjadikan dia hilang dalam dunia sebenar.

“Tine tidak percaya pada saya?”

“Bukan soal percaya atau tidak, Abang Amirul. Tapi ... saya tidak mahu menyusahkan Abang Amirul memikirkan tentang diri saya. Lagipun rasanya tidak ada apa yang menarik tentang hidup saya. Setakat lelaki miskin, tidak berpelajaran. Tidak macam abang.”

“Apa susahnyanya saya jika mengetahui misteri Tine? Adakah Tine mahu terus hidup dalam dunia halusinasi misteri itu.”

“Halusinasi misteri? Apa maksud Abang Amirul?” Kawan baharu Amirul seolahnya tidak mahu menerima perkataan itu.

“Tine sebenarnya hidup dengan halusinasi? Saya tidak menolak kejadian seperti itu. Saya tidak dapat melelapkan mata semalaman. Berfikir. Terbayang dan mengandaikan yang bukan-bukan.”

“Perlukah Abang Amirul memikirkan tentang saya sejauh itu?” Kata-kata kawan baharu Amirul sedikit tegas. Seperti tempias bersin hinggap di muka Amirul.

“Abang Amirul. Saya tahu Abang Amirul datang ke sini bukan setakat menghindar dengkur kawan Abang Amirul. Saya tahu. Abang Amirul hendak mencari bahan tentang

kisah pelacuran di hotel ini. Tapi ... kebetulan terjumpa dengan saya ....” Berubah wajah Amirul. Sejauh ini kawan baharunya dapat menghidu kehadirannya di hotel ini. Amirul hilang kata-kata.

“Saya amat kagum kesungguhan Abang Amirul itu. Abang Amirul penulis yang realistik. Penuh dengan kebenaran. Kadang kala sinis. Saya membaca tulisan Abang Amirul, termasuklah cerita *Indera* yang saya yakini kisah hidup Abang Amirul sendiri sebenarnya!” Kawan baharu Amirul cukup bersedia dan bersungguh-sungguh.

Dia terdiam seketika. Akhirnya, tanpa disuruh dan ditegah, dia keluar kerana melihat reaksi Amirul mula hanyut dalam dunianya sendiri.

Bagaikan terkena panahan petir di hulu hati Amirul mendengar kata-kata pemuda di depannya ini. Bagaimana dia tahu semua ini? Siapa sebenarnya pemuda ini? Kisah misteri hidup Amirul sendiri tiba-tiba terbentang. Wajah lelaki berselubung hijau yang menjadikan dunia Amirul berbeza dengan orang lain.

Peristiwa tujuh tahun lalu berebut-rebut memenuhi ruang hadapan ingatan Amirul. Terlihat tubuh kurus seorang lelaki yang pucat lesu bagai hilang perasaan. Lelaki yang menjadi idaman pelatih wanita di Maktab Perguruan Keningau suatu ketika dulu kerana kehebatannya berhujah telah lenyap kerana dideritai oleh sakit yang tidak berpenghujung. Kerisauan sering menghantui dirinya. Risau sakit menyerang dan rebah tanpa ada siapa yang endah. Bilik dan lukisan menjadi tempat serta teman hidupnya. Menjadi ruang yang cukup istimewa melakukan rutin selepas waktu persekolahan kerana di sanalah dirakamkan segala suka duka misteri yang dilaluinya. Bertemu seorang lelaki “hijau” yang hendak bersahabat dengannya sedangkan dunia mereka nyata berbeza.

“Menerima tanpa reda. Menolak tiada upaya. Diri tergadai dalam dunia mistik tanpa tawa walau secarik.” Sepotong ungkapan pada perenggan akhir *Indera* yang melukiskan detik

perit Amirul. Terkenang dalam raut wajah lesu.

“Astaghfirullah ...” Amirul beristighfar berulang kali. Bimbang terus hanyut dalam dunia kenangan silam.

Amirul tidak berhasrat untuk melupakan kenangan itu kerana dia mahu menjadi lebih berani dan kuat. Bangkit setelah dihimpit perit selama empat tahun yang lalu. Terasing dalam dunia sendiri walaupun berlari di atas pentas sebenar bersama orang lain. Sesuatu yang jelas, dunia intelektualnya terus karam di dasar halusinasi yang diarahkan oleh lelaki berselubung hijau itu.

Perlahan-lahan Amirul mengunci pintu biliknya. Ada rasa kesal dalam hati kerana berbual dengan kawan baharunya. Bukan kerana kata-kata Valentine. Sebaliknya kerana Amirul seolah-olah terhumban semula dalam lembah ingatan masa lalu.

Malam itu sebelum keluar untuk membeli baju, Amirul cuba untuk menghubungi kawan baharunya tetapi Micheal rakan sekerja kawan baharunya memberitahu, Valentine sibuk. Amirul tidak berkecil hati dengan jawapan tersebut kerana pada fikirannya, kawan baharunya itu benar-benar sibuk. Walaupun sebenarnya Amirul sedikit kecewa kerana tidak dapat mencungkil misteri yang ada dalam hidup kawan baharunya itu. Apatah lagi tujuan sebenarnya dia bermalam di hotel ini tidak tercapai. Pihak Polis dan Jabatan Agama Islam Kota Kinabalu baru sahaja membuat serbuan dua hari lepas. Banyaklah ayam ditambat. Harap-harap biarlah ditambat sampai taubat.

Cuma dia agak kecewa kerana beberapa persoalan gagal bertemu jawapan. Benarkah Valentine berada pada zaman penjajahan British dan Jepun di Sabah? Atau dia sekadar berhalusinasi. Atau mungkin dia membohongi Amirul?

Sambil duduk-duduk di Restoran Sempelang, Asia City, Amirul mula mencatat mengumpul butiran cerita misteri secara ringkas. Bermula dengan cerita kawan baharunya pengsan hampir dua jam sewaktu menjalani aktiviti lasak di perkarangan SMK Sanzac semasa di tingkatan empat, bertemu

lelaki tua bernama Wiliam, diikat di pokok ru oleh tali barut Jepun, tiba-tiba fasih berbahasa Inggeris dan Jepun, berasa terbuang kerana kadang kala seperti kena rasuk, membenci diri kerana tidak berpelajaran, ego, bekerja sebagai penjaga kaunter hotel baharu satu bulan lima belas hari.

“Saya mahu *check out* sekarang, ya.” Amirul menghulurkan kunci 206 kepada gadis yang bertugas di kaunter. “Ok. Jangan ambil hati pasal semalam ya!”

Gadis yang mungkin berbangsa Dusun itu tersenyum. Sekurang-kurangnya dia tidak diikat rasa bersalah.

Sebelum Amirul membuka pintu cermin Hotel Mawar, gadis Dusun itu memanggilnya.

“Encik Amirul.”

Amirul berpaling ke arah suara yang memanggilnya.

“Ada surat untuk encik.” Dengan lembut gadis Dusun itu menyerahkan.

Amirul menerima sampul surat berwarna kuning. Ada nama Amirul dan nombor bilik tertera pada muka hadapan sampul surat itu. Terukir senyuman di bibir Amirul yang nipis itu. Seperti dapat dijangka pengirim dan kandungannya. Apa pun, usaha Amirul tidak sia-sia bermalam di hotel ini.

“Terima kasih, dik. Sampaikan salam saya kepada Valentine. Berikan nombor telefon saya ini kepadanya.” Amirul menghulurkan sekeping kertas kepada gadis Dusun itu.

Sambil mengorak langkah, Amirul terbayang wajah kawan baharunya yang tersenyum memerhatikan dia pulang membawa cerita misteri. Cerita seorang pemuda dikejami seorang tentera Jepun kerana menyimpan pingat penghargaan daripada pihak Inggeris. Walaupun dipukul, ditendang dan diheret oleh tentera Jepun, dia tetap kuat. Berani dan tabah. Malah kekejaman itu membuatkan dia bangga hidup pada masa itu walau hanya dalam halusinasi mistiknya berbeza di dunia nyata.

Dari jauh ada sepasang mata memerhati langkah Amirul dengan satu perasaan. 

# Puisi Perakam Peristiwa

oleh ZAITON AJAMAIN

*“It is difficult to get the news from poems yet men die miserably every day for lack of what is found there...”* William Carlos Williams.

(Dalam *How To Make A Living As A Poet*, Gary Mex Glazner, terbitan Soft Skull Press, NY: 2005)

Pada bulan Februari 2013, kita dikejutkan oleh rentetan peristiwa pencerobohan yang dilakukan oleh penceroboh yang kemudian menjadi pengganas. Peristiwa ini menjadi peristiwa berdarah apabila mengorbankan nyawa para pahlawan negara. Peristiwa ini juga akhirnya mengorbankan pelbagai perkara – harta benda, norma kehidupan, ekonomi, sejarah, perkampungan, persempadanan, keselamatan, keamanan, dan sebagainya – 101 mungkin 1001 perkara-perkara yang telah terfikir dan pernah terfikir oleh minda bebas kita/minda terjajah kita!

Lahad Datu, khususnya Kampung Tanduo, yang aman damai, ibarat zon perang! Sarat dengan simbol/lambang kuasa – polis, tentera, marin malah juruterbang! Bunyi bedilan/letupan/ledakan, api, asap, kehancuran.

Tentunya sebagai penulis/penyair/pengarang/novelis dan sebagainya, segala peristiwa yang berlaku episod demi episod, yang membawa pelbagai gejalak emosi/raja – sedih, geram, marah, kecewa, hilang (*lost*), kosong (*helplessness*), tercabar, dendam, sangat menyentuh naluri penciptaan kita. Kita pasti telah membuat pelbagai catatan yang menunggu cerakinan/cerapan, proses penciptaan kita.

Sesungguhnya, rentetan peristiwa berlaku begitu cepat, diiringi episod demi episod yang sangat mengejutkan, menguja dan merangsang. Sesungguhnya, kita ingin

merakamkan segalanya melalui pelbagai genre. Tentunya kita ingin merakam reaksi kita terhadap rentetan peristiwa ini menjadi catatan tepat terhadap episod dalam sejarah negara, khususnya kepulauan Borneo, mengingatkan kita kepada *Syair Rakis*. Tentunya kita berharap rakaman peristiwa melalui puisi misalannya, berupaya menjadi sumber inspirasi/rujukan, menurut William Shakespeare:

*“As long as men can breath or eyes can see so long lives this, and gives life to thee....”*

Kita ingin menjadikan karya kita *immortal*, kekal/abadi/wujud selama-lamanya atau “kita” melalui hasil tulisan yang hebat, sehingga berupaya menyertai *canon* (kanun) penulisan kreatif khususnya puisi kita. Hasil pemikiran kita terus dirujuk dan tersenarai sebagai rakaman tepat peristiwa penting negara melalui wacana puisi kita.

Oleh hal yang demikian, usaha merakamkan episod/peristiwa di Lahad Datu, Sabah ini, sudah tentu menuntut “*investigative poetry*” atau “*poetry as news*” (puisi siasatan atau penyelidikan, puisi sebagai berita), bukan semata-mata siratan perasaan/emosi melalui diksi yang muluk-muluk, bombastik, jauh sekali klise. Hal ini kerana, peristiwa-peristiwa tersebut dikaitkan dengan fakta.

Melalui puisi pilihan *Wadah* kali ini, Siti Noorsabah telah berusaha merakamkan peristiwa/episod bersejarah dan berdarah di Lahad Datu dan Semporna melalui puisi berjudul “Selagi ada Bulan dan Matahari”. Sementara sebuah puisi pilihan oleh N.R. Rahim “Ketika Gemuruh Ombak” memilih menggarapkan satu episod kehidupan berkaitan ombak, badai, gelombang, laut – khususnya yang dilalui oleh keluarga pelaut/nelayan. Kedua-dua rakaman peristiwa

ini akan dianalisis berdasarkan pendekatan – puisi sebagai *investigative poetry* atau *poetry as news*.

Baik secara tersurat ataupun tersirat, dua buah puisi pilihan ini telah berusaha menggarap dua tema dan persoalan yang cukup berbeza. Satu tentang peristiwa pencerobohan oleh pencerobohan/pengganas, yang satu lagi tentang kehidupan yang sukar/perit kaum nelayan yang perlu berjuang di tengah lautan. Mungkin penceroboh juga pernah melalui peristiwa perit ini. Puisi “Selagi Ada Bulan dan Matahari” telah berusaha merakamkan tanggapan pengarang terhadap peristiwa pencerobohan, yang akhirnya dikaitkan dengan sejarah kepulauan Borneo.

Sebagai pengarang, mengangkat peristiwa pencerobohan ini pasti merangsangnya menghasilkan wacana yang cukup tetap, sarat dengan perkataan-perkataan yang dirangkai/disirat menjadi ungkapan-ungkapan yang sangat emosional namun tinggi nilai patriotismenya, apa lagi nilai sejarahnya.

Kemampuan memilih dan menyaring serta memadatkan rangkaian kata sangat penting dalam proses penciptaannya. Hal ini kerana, pencipta puisi sewajarnya banyak melalukan *investigation*, baik merujuk peristiwa/episod semasa, apatah lagi yang lalu.

Dari segi pemilihan kata, pengarang berupaya menghasilkan “Selagi Ada Bulan dan Matahari” yang juga mengandungi janjinya sebagai warganegara, terdapat pada akhir “wacana puitis”, pengarang. Setelah peristiwa demi peristiwa dapat kita kesan melalui perkhabaran buruk, menceroboh pantai, bermandian darah, angkara durjana, keganasan, binatang buas, tanah air tercinta, pantang menyerah atau dijajah.

Penulis yakin garapan peristiwa penting ini akan lebih hebat dan berupaya terus hidup sekiranya pengarang memilih perkataan dan merangkaikannya menjadi ungkapan yang hebat namun puitis dan indah, sekiranya


membuat rujukan/menyiasat, selain menyemak hasil pemikirannya.

Terdapat beberapa perkataan/rangkaian kata yang perlu diteliti, iaitu Negeriku (negeri kita (?)), wira-wira, negara *kami...* (kita (?)), generasi Paduka Mat Salleh (kata generasi dalam ungkapan ini tidak tepat), tangan derhaka (derhaka dikaitkan dengan rakyat yang tidak taat/khianat kepada negara/sultan/raja – dalam puisi Siti Noorsabah, yang dimaksudkan ialah penceroboh, oleh itu tidak tepat).

Sementara itu, tajuk puisi “Selagi Ada Bulan dan Matahari” menjadi janji Siti Noorsabah bahawa “tanah Borneo Utara ini tetap milik kami!” Namun, ungkapan yang sama juga menjadi sebahagian janji/aku janji dalam perjanjian Sultan Sulu dan British! Dan dirujuk kepada perjanjian berkaitan Kepulauan Borneo.

Sementara itu, tidak banyak yang boleh diperkatakan tentang puisi “Ketika Gemuruh Ombak” oleh N.R. Rahim kerana pemilihan kata/diksinya tepat, unsur estetikanya baik. Puisi ini sekadar letusan/letupan perasaan suara pelaut/nelayan melalui pengarang, yang terpaksa berabad-abad derita sengsara, impian dan harapan kami/sentiasa berkecai dilambung/badai gelombang, anak dan isteri sedang kelaparan/menunggu kami pulang/membawa sejuta kehampaan.

Nada pengarang sangat sarat dengan serba kepasrahan ini disimpulkan: “Hidup kami telah ditakdirkan/pada laut, ombak dan camar/sebelum tragedi berakhir/dengan tangisan pilu”.

Demikian analisis dua buah puisi yang cukup berbeza persoalannya, satu tentang penceroboh/pengganas yang telah memporak-perandakan kehidupan rakyat yang aman damai walaupun ada antaranya yang sering dibadai ombak di lautan luas tetapi tidak sehebat lambungan gelombang/badai/ombak peristiwa pencerobohan tersebut. 

# Cerpen sebagai Alat Kesedaran Masyarakat

oleh S.M. ZAKIR

Jika mengatakan cerpen sebagai “alat”, hal ini mungkin membawa konotasi bahwa cerpen wujud sebagai perkakas atau penulisan yang diperalatkan untuk menyalurkan kepentingan propaganda atau agenda. Tetapi apabila dikaitkan dengan “kesedaran masyarakat”, maka pandangan negatif tersebut akan segera hilang. Cerpen wujud sebagai alat kesedaran masyarakat yang memberi makna bahwa cerpen menjadi medium atau kenderaan untuk menyampaikan fikiran-fikiran dan menyedarkan masyarakat demi kebaikan mereka. Cerpen yang dianalisis pada kali ini iaitu “Tanah Pusaka” karya R.M. Jasni ternyata memberikan penjelasan bahwa sesebuah cerpen berfungsi sebagai alat untuk membentuk kesedaran masyarakat. Sesungguhnya, kehidupan yang lebih baik dapat dicapai dengan usaha dan kecerdikan. Usaha tentunya melibatkan kerajinan melakukan kerja, sementara kecerdikan melibatkan pengetahuan serta perancangan yang teratur.

R.M. Jasni dalam cerpen “Tanah Pusaka” menulis dengan tujuan yang jelas, iaitu memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa tanah pusaka tidak semestinya dipertahankan sehingga membiarkan tanah itu tidak dimajukan langsung. Sebaliknya, gambaran tipikal pertentangan dan permusuhan yang selalu ditimbulkan apabila mengangkat topik tanah pusaka dan pembangunan, dijangkar oleh R.M. Jasni dalam

memperlihatkan bahawa mempertahankan tanah pusaka adalah juga bermaksud untuk membangunkannya – bukan membiarkannya mundur atas alasan maruah pusaka. Pandangan yang dibina oleh R.M. Jasni dalam cerpen ini sangat menarik. Walaupun cerpen ini dilihat sebagai cerpen yang mudah; dengan mengangkat tema kecil atau biasa dikemukakan tetapi beliau berjaya memberikan sudut pandangan yang berbeza sehingga menjadikan cerpen ini berguna dalam memberikan kesedaran kepada pembaca (masyarakat).

Persepsi awal ketika membaca cerpen ini, membayangkan bahawa Arman akan ditipu oleh bapa saudaranya Baಿಂದang yang mungkin akan mengambil bahagian tanah pusaka milik bapa Arman, abang Baಿಂದang yang meninggal dunia. Tetapi ternyata persepsi ini meleset. Kemudian diperlihatkan bahawa Arman yang berpendidikan luar negara mempunyai hubungan dengan Dato' Gan, datang memujuk Baಿಂದang untuk memajukan tanah pusaka mereka. Persepsi mengandaikan Arman akan menggadai tanah pusaka demi kepentingan diri. Tetapi sekali lagi persepsi ini juga meleset. Ternyata akhirnya Arman mempunyai niat yang sangat baik untuk memajukan tanah pusaka mereka. Malah Baಿಂದang juga seorang yang jujur dan ikhlas menjaga tanah pusaka mereka termasuk bahagian kepunyaan ayah Arman yang diamanahkan kepada beliau.

Ternyata olahan cerpen ini yang kelihatannya bersahaja dan mudah telah



Apa yang diperlihatkan di sini ialah kepandaian penulis memainkan unsur *pathos* iaitu menguja dan menarik perasaan pembaca ke dalam cerita. Dalam kata lain, mewujudkan hubungan teks (cerita) dengan pembaca. Watak dan perwatakan, serta pergerakan cerita pada awalnya membayangkan tipikal pertelagahan tentang tanah pusaka, iaitu bapa saudara menipu anak saudara untuk membolot semua tanah pusaka ataupun anak saudara yang lebih maju dan cintakan kebendaan oleh kerana latar pendidikannya di luar negara, bersekongkol dengan “tauke” untuk membolot tanah pusaka. Persepsi ini timbul di benak pembaca akibat tipikal cerita pertelagahan tentang tanah pusaka yang selalu digambarkan, dan kepandaian penulis memainkan ceritanya sehingga menimbulkan pelbagai persepsi negatif pembaca.

berjaya menimbulkan unsur-unsur saspens atau ketegangan yang menguja persepsi pembaca. Pertamanya, watak dan perwatakan Baಿಂದang diperlihatkan sebagai seorang yang pemaarah dan kedekut, mendengus memarahi budak-budak yang mencuri mangga. Perwatakan Baಿಂದang memperlihatkan seolah-olah beliau ialah seorang yang cenderung berperilaku tidak baik. Hal ini secara tidak langsung menimbulkan persepsi Baಿಂದang akan menjadi antagonis dan apabila ditimbulkan soal tanah pusaka, tentu Baಿಂದang sebagai antagonis dilihat akan mengambil hak orang lain yang diamanahkan kepada beliau. Persepsi kedua timbul apabila watak Arman diberi latar belakang sebagai seorang berpendidikan luar negara dan pula seorang jurutera, mempunyai hubungan pula dengan kaum pemodal iaitu Dato' Gan. Persepsi tentunya akan melihat Arman pula sebagai antagonis yang akan bersekongkol dengan Dato' Gan untuk mengambil tanah pusaka penduduk peribumi. Malah, Arman dilihat sebagai tali barutnya pula di sini. Tetapi akhirnya semua persepsi ini meleset; dan kedua-dua Arman serta Baಿಂದang ialah manusia yang jujur dan ikhlas dalam menjaga amanah yang diberikan kepada mereka. Malah

Dato' Gan (persepsi kaum pemodal selalunya antagonistik sifatnya), juga seorang yang jujur untuk membantu anak serta saudara rakannya iaitu ayah Arman.

Apa yang diperlihatkan di sini ialah kepandaian penulis memainkan unsur *pathos* iaitu menguja dan menarik perasaan pembaca ke dalam cerita. Dalam kata lain, mewujudkan hubungan teks (cerita) dengan pembaca. Watak dan perwatakan, serta pergerakan cerita pada awalnya membayangkan tipikal pertelagahan tentang tanah pusaka, iaitu bapa saudara menipu anak saudara untuk membolot semua tanah pusaka ataupun anak saudara yang lebih maju dan cintakan kebendaan oleh kerana latar pendidikannya di luar negara, bersekongkol dengan “tauke” untuk membolot tanah pusaka. Persepsi ini timbul di benak pembaca akibat tipikal cerita pertelagahan tentang tanah pusaka yang selalu digambarkan, dan kepandaian penulis memainkan ceritanya sehingga menimbulkan pelbagai persepsi negatif pembaca.

Ternyata R.M. Jasni dengan bentuk cerpennya yang mudah, secara bersahaja menguja persepsi pembaca. Hal ini menampakkan wujud unsur *pathos* yang berjaya menghubungkan perasaan pembaca


**Secara keseluruhannya, cerpen “Tanah Pusaka” karya R.M. Jasni telah berjaya menjadi alat yang berkesan untuk memupuk kesedaran masyarakat dalam soal-soal kecil atau besar kehidupan sehari-hari mereka. R.M. Jasni menepati jiwa perjuangan penulis yang menjadikan seni sebagai wadah untuk memupuk kesedaran masyarakat, yakni “seni untuk masyarakat”.**

dengan teks. Pada akhir cerpen ternyata R.M. Jasni “menyalahkan” semua persepsi pembaca dan meluruskan cerita dengan menjadikan semua watak yang “dipersepsikan” dengan pelbagai tanggapan negatif tadi ialah manusia-manusia yang jujur dan baik serta amanah dalam membentuk kehidupan yang maju dan mulia.

Cerpen “Tanah Pusaka” mengutarakan idea dan pemikiran bahawa tanah pusaka yang selalunya dilihat sebagai hak warisan yang perlu dipertahankan dalam bentuknya yang asli, perlu dinilai semula (pandangan ini), untuk melihat manfaat dari sudut yang paling rasional. Di sini, R.M. Jasni menawarkan fikiran-fikiran yang rasional melalui hujah serta tindakan watak Arman untuk memajukan tanah pusaka dengan perkongsian yang menguntungkan semua pihak; Arman, Baindang dan Dato' Gan. Fikiran ini sekali gus menyanggah tanggapan sebelum ini yang melihat bahawa tanah pusaka ialah “benda suci” yang tidak boleh disentuh oleh tangan luar; termasuk menghalang pembangunan yang dianggap tindakan mencemar dan berniat untuk merampas hak peribumi. Hal ini sekali gus mengubah persepsi masyarakat untuk melihat sisi-sisi rasional dan tidak harus

terperangkap dalam tembok prasangka selama-lamanya. R.M. Jasni melalui cerpennya cuba menyampaikan fikiran, untuk menyedarkan masyarakat bahawa pembangunan tidak semuanya negatif terhadap milik warisan tanah pusaka. Malahan pembangunan dapat memberikan nilai guna dan nilai tambah kepada tanah pusaka yang terbiar atau hanya dimanfaatkan dengan minimum. Tindakan untuk memajukan tanah pusaka dengan mendirikan kawasan perumahan atas dasar perkongsian saham dan sebagainya, diperlihatkan oleh R.M. Jasni sebagai tindakan bijak dalam mengoptimumkan faedah serta manfaat daripada tanah pusaka tersebut.

Cerpen “Tanah Pusaka” merupakan sebuah cerpen yang mudah; dengan ceritanya yang sehalu, watak yang berkisar dalam lingkungan kecil, konflik dan penyelesaian yang mudah, serta penggunaan bahasa yang difahami pembaca. Namun, di sebalik bentuknya yang mudah dan bersahaja itu, cerpen “Tanah Pusaka” ini ternyata dapat memberikan kesedaran kepada pembaca sekali gus masyarakat tentang idea untuk memajukan tanah pusaka dengan cara yang menguntungkan dan tidak menggadai atau mencemarkan hak warisan nenek moyang. Tindakan ini bukan hanya melihat keuntungan kebendaan semata-mata, tetapi juga sumbangan kepada pembangunan dari sudut makro iaitu pembangunan negara. Dalam pada itu, cerpen yang berdiri dengan bentuk mudah ini juga berjaya menghadirkan unsur *pathos* iaitu tarikan yang merekat hubungan pembaca dengan teks dengan cara yang cukup bersahaja.

Secara keseluruhannya, cerpen “Tanah Pusaka” karya R.M. Jasni telah berjaya menjadi alat yang berkesan untuk memupuk kesedaran masyarakat dalam soal-soal kecil atau besar kehidupan sehari-hari mereka. R.M. Jasni menepati jiwa perjuangan penulis yang menjadikan seni sebagai wadah untuk memupuk kesedaran masyarakat, yakni “seni untuk masyarakat”. 

Bayu menjadi Taufan

*Betapa air jernih tiba-tiba berkocak  
tiada lagi ketenangan  
gusar atma merenungi  
angkara impian fatamorgana  
seorang Kiram  
yang tidak membaca sejarah.*

*Lahad Datu dan Semporna  
menjadi medan pertempuran berdarah  
mereka yang tidak berdosa  
menjadi mangsa  
para pejuang bergadai dan berkorban  
nyawa  
dalam OP daulat  
membangan unsur-unsur tamak haloba.*

*Semoga mimpi ngeri berakhir  
puluh seperti sediakala  
al-fatimah buat wira-wira negara  
jasa kalian pasti dikenang  
terpahat dalam sejarah tanahair  
semoga mendapat rahmat-Nya ... amin.*

Sitti Hadiah Haji Abd.Mutalib

Selagi Ada Bulan dan Matahari

*Eyangku,  
maafkan aku mengejutkanmu  
dengan perkhabaran buruk ini  
mereka datang menceroboh pantai  
negeriku  
yang berdaulat tanpa ucap salam  
persaudaraan.*

*Eyangku,  
Bumi di Bawah Bayu ini kini  
bermandian darah angkara durjana  
yang mengaku kononnya pewaris  
kesultanan silam  
kepulauan Borneo  
keganasan mereka bak binatang buas  
tanpa belas  
satu demi satu wira-wira negara kami  
syahid  
demi mempertahankan tanahair tercinta.*

*Eyangku,  
kami generasi Paduka Mat Salleh  
berjiwa merdeka pantang menyerah  
atau dijajah  
tak ingin kami kembali ke masa silam  
yang gelap kelam  
tak akan kami biarkan seinci tanah ini  
jatuh  
digenggaman tangan penceroboh  
kami berpegang pada perjanjian  
yang nyata  
sudah tercatat dalam sejarah  
"Selagi ada bulan dan matahari"  
tanah Borneo Utara ini tetap milik kami.*

Siti Noorsabah

Ketika Gemuruh Ombak

*Berabad-abad derita sengsara  
menghimpit kehidupan kami  
ibarat juadah harian dikunyah  
tanpa kesudahan.*

*Impian dan harapan kami  
sentiasa berkecai dilambung  
badai gelombang  
yang tidak pernah mengenal  
belas simpati.*

*Segala jeritan dan keluhan  
anak dan isteri sedang kelaparan  
menunggu kami pulang  
membawa sejuta kehampaan  
dikongsi bersama.*

*Hidup kami telah ditakdirkan  
pada laut, ombak dan camar  
sebelum tragedi berakhir  
dengan tangisan pilu.*

N.R. Rahim